

Sultan Sharafuddin  
kenang jasa Goodyear

2

Edar 3,000 Kupon  
Digital Rahmah

8

UPM serah zakat  
RM8.16 juta

3

Lebih 1,000 calon  
SMA cemerlang

5

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 21 - 27 MAC 2024

www.selangorkini.my

## 37,550 terima manfaat baucar raya

MUKA  
3

**BERWAKAF SECARA BULANAN  
KINI LEBIH MUDAH MELALUI  
DIRECT DEBIT**



**IMBAS UNTUK  
MENDAFTAR**

mudah  
pantas  
selamat

Mendaftar sekali sahaja melalui  
<https://infacpay.my/go/wakafselangor>  
Pengguna akan menerima  
status BERJAYA melalui e-mel.  
Potongan akan dibuat setiap 2-5hb  
atau 22-26hb setiap bulan.  
Pewakaf akan menerima notifikasi  
transaksi berjaya melalui e-mel.

NOTA:  
Resit Rasmi Sumbangan Wakaf tahun semasa akan diproses pada  
sukuian pertama tahun berikutnya. Pewakaf perlu mengemaskini  
alamat surat-menyurat terkini sebelum tahun berakhir bagi  
tujuan pengeposan resit rasmi tersebut.

**BULAN WAKAF SELANGOR**  
www.wakafselangor.gov.my



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan sumbangan untuk 840 Persatuan Ibu Bapa dan Guru kepada Pengarah Pendidikan Negeri Dr Jafri Abu (kanan) di Shah Alam pada 17 Mac 2024. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Saipolyazan M Yusop. Foto HAFIZ OTHMAN  
▶ BERITA MUKA 3

## pancawarna

### Nukil ayat Allah di pelepah tamar

Al-Quran dibuku  
dan diseragam  
pada zaman  
Khalifah Uthman


9



### Cinta gadis Sepanyol punca Islam bertapak

Persaingan raja,  
bangsawan Kristian  
buka peluang Islam  
kuasai Andalusia

10



### Kekok berlakon dengan Menteri Besar

Pemain dram muda,  
popular jayakan  
telefilem Ayah  
Panggil Balik

16



## Serah bantuan raya untuk asnaf

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat ke majlis terbuka puasa dan solat jemaah bersama rakyat jelata.

Baginda turut menyampaikan sumbangan Aidilfitri RM215,000 kepada 430 penerima meliputi asnaf, miskin dan muafak sekitar Petaling di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 13 Mac.

Diiringi DYMM Tengku Permaisuri Tengku Permaisuri Hajah Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah, Baginda juga berkenan menerima zakat perniagaan empat anak syarikat milik Kerajaan Negeri.

Syarikat tersebut ialah Kumpulan Perangsang Selangor Berhad sebanyak RM5.057 juta, Kumpulan Worldwide Holdings (RM2.82 juta), Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (RM1.913 juta) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (RM1 juta).

Sultan Sharafuddin turut melancarkan sambutan ke-30 tahun penubuhan Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebagai institusi yang menerajui perubahan pengurusan zakat di negeri ini.

## Sokong anjur pertandingan debat

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penganjur pertandingan debat membabitkan mahasiswa universiti pada masa depan.

Dato' Menteri Besar berkata pertandingan itu mampu melahirkan lebih ramai golongan kreatif dan bijak menyampaikan pandangan masing-masing.

"Saya yakin melalui penyertaan dalam pertandingan ini dapat melatih peserta untuk berfikir secara rasional seterusnya mengemukakan cadangan bernas.

"...dan menjana pemikiran kritis dalam kalangan peserta bagi menyampaikan idea dan membuat maklum balas," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook pada 12 Mac.

## Sultan kenang jasa Goodyear

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor memuji syarikat pengeluar tayar terkemuka Goodyear atas sumbangan sejak 52 tahun lalu kepada ekonomi Malaysia dan Selangor serta sektor automotif.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah demikian berikutan penguaman penutupan kilang Goodyear di Shah Alam mulai Jun selepas beroperasi selama lima dekad, lapor Bernama.

Menurut Facebook Selangor Royal Office pada 14 Mac, Baginda bertitah Goodyear Malaysia, mencapai prestasi

si cemerlang dari segi jualan dan teknologi.

Baginda bertitah syarikat itu kilang tayar pertama diperakui piawaian ISO 9002 pada 1992, pensijilan QS9000 dan ISO14001 pada 2002 diikuti pensijilan ISO/TS 16949 setahun kemudian.

Titah Baginda, jenama itu juga dipasang pada kereta tempatan pertama Proton Saga pada 1985 selain tayar terpilih untuk Ford Model T pada 1908, kereta mampu milik keluaran besar-besaran pertama di dunia.

Baginda turut menggunakan tayar

Goodyear pada Ford Model B 1932, Chevrolet Fangio Coupe 1940 dan Jaguar XK140 FHC 1956 dalam ekspedisi jalan raya pada 1997 dan 2007 selain Peking To Paris Challenge dari Beijing ke Paris dan Rally Road to Mandalay 2015.

"Sepanjang 16,000km dan 8,400km perjalanan merentasi pelbagai bentuk muka bumi termasuk padang pasir, salji dan jalan berbatu, DYMM Tuanku bersama pemandu Datuk Richard Curtis tidak mengalami kejadian tayar pancit dengan Goodyear," titah Baginda.

## Sasar bantu lebih ramai usahawan

# Tawar pinjaman RM1 bilion

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM** - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) meletak sasaran untuk memberi pinjaman RM1 bilion kepada usahawan sempena sambutan ulang tahun kesembilan agensi itu pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mearia Hamzah menjelaskan 88,653 pembiayaan diberi kepada 59,508 peminjam membabitkan keseluruhan berjumlah RM797 juta sejak 2015.

"Untuk tahun ini, kita sasar RM1 bilion

dengan peruntukan sedia ada sebanyak RM60 juta yang disediakan kepada Hijrah Selangor," katanya di bangunan pentadbiran negeri pada 20 Mac.

Terdahulu, beliau menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit Azad-din Ngah Tasir sambil disaksikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Saipolyazan Mat Yusop dan EXCO Pemberdayaan Usahawan Najwan Halimi.

Mearia menambah Hijrah Selangor

juga mahu mengadakan pelbagai inisiatif menerusi 'Business Turn Around Plan' (BTP 2024-2028) bagi meningkatkan operasi lagi agensi berkenaan.

Katanya, pelan itu mengandungi empat perkara iaitu pertumbuhan dan pembangunan usahawan, kecemerlangan kewangan, kualiti aset terbaik dan prestasi kakitangan serta tadbir urus baik.

"Salah satu kaedah adalah memberi tumpuan kepada kutipan balik. Ia dilaksanakan dengan pelbagai cara iaitu menerusi cawangan pejabat dan agensi kutipan swasta," katanya.

## Raja Muda hulur sumbangan raya

**GOMBAK** - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor mencemar duli melawat premis Pertubuhan Anak Yatim dan Asnaf Teratak Umni di Taman Melewar, di sini pada 19 Mac.

Menerusi program Ziarah Ramadan, Tengku Amir Shah menyampaikan sumbangan duit dan baju raya kepada 50 anak yatim dan asnaf berusia lima

hingga 18 tahun sempena Aidilfitri.

Raja Muda Selangor diiringi Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari turut berkenan meluang masa mengecat beberapa rak kasut untuk mencecairkan pusat terbabit.

Tahun ini, Ziarah Ramadan anjuran Selangor Youth Community bersama Yayasan Raja Muda dan Selangor FC

memilih beberapa pusat kebajikan bagi menyerahkan sumbangan dan bantuan baik pulih.

Program tradisi yang dianjurkan sejak beberapa tahun lalu mendapat tajaan utama daripada anak syarikat Worldwide Holdings selain sumbangan daripada Starvillion, Khind Malaysia dan Nestle Malaysia.

## RM78,000 untuk 26 kelab kebajikan

**AMPANG JAYA** - Sebanyak 26 kelab kebajikan dan rekreasi pelbagai agensi menerima sumbangan RM78,000 daripada Pejabat Dato' Menteri Besar.

Dato' Menteri Besar berkata dana RM3,000 untuk setiap kelab itu disalurkan sebagai dorongan kepada ahlinya untuk bergiat lebih aktif termasuk memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.

Dato' Seri Amirudin Shari turut menyeru agensi dan pemimpin masyarakat supaya sentiasa berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan

untuk mencapai kecemerlangan.

"Kita harap agar semangat berpasukan dapat diteruskan, dimanfaatkan dan digembleng dengan lebih kuat, tidak lain dan tidak bukan untuk negeri dan negara kita mencapai tahap lebih baik.

"Kita perlu teruskan dan lengkapkan tugas kita untuk beberapa tahun akan datang dan perlu sentiasa bersedia memikul cabaran serta tanggungjawab bersama," katanya ketika merasmikan majlis terbuka puasa bersama agensi kerajaan dan penggerak masyarakat daerah Gombak.

Bertempat di Pusat Konvensyen Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di sini, program tahunan itu dihadiri sekitar 800 kakitangan agensi kerajaan dan pemimpin masyarakat pada 19 Mac.

Hadir sama wakil rakyat Bukit Antarabangsa Mohd Kamri Kamaruddin, Yang Dipertua MPAJ Dr Ani Ahmad dan Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Rahim Kasdi.

Amirudin turut berkesempatan menunaikan solat Maghrib berjemaah dan bermesra dengan semua hadirin usai majlis berkenaan.

IMBAS DI SINI  
akhbar digital minggu lepas





Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada pelajar asnaf kurang upaya dalam majlis berbuka puasa dan solat tarawih di Masjid Universiti Putra Malaysia, Subang Jaya pada 15 Mac. Foto REMY ARIFIN

## UPM serah zakat RM8.16 juta

**SUBANG JAYA** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan menerima zakat Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi 2023 sebanyak RM8.16 juta dan wakaf ilmu bernilai RM1.25 juta.

Dana tersebut diserahkan kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah dalam majlis berbuka puasa di Masjid UPM, Serdang.

Baginda juga menerima bayaran zakat perniagaan UPM Holdings Sdn Bhd berjumlah RM100,000, TMJ Mesra Travel dan Tours Sdn Bhd (RM30,000) dan Koperasi UPM Berhad (RM28,177).

Sultan Sharafuddin juga menerima serahan dana wakaf ambulans Tabung Haji (RM400,000) serta sumbangan korporat Pharmaniaga Berhad (RM35,000).

Dalam majlis pada 15 Mac, Baginda yang juga Canselor UPM turut menyampaikan duit raya kepada 30 pelajar asnaf, anak yatim dan orang kurang upaya sumbangan Tabung Amanah Zakat UPM.

## Negeri belanja RM7.5 juta

# 37,550 individu nikmati baucar raya

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Sebanyak 37,550 baucar Jom Shopping bernilai RM200 diagih kepada umat Islam berpendapatan rendah sempena sambutan Aidilfitri, kata EXCO Pembasmi Kemiskinan V Papparaidu.

Beliau menjelaskan semua baucar telah diserahkan kepada semua 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) manakala pengagihannya akan dibuat wakil rakyat atau

penyelaras sesebuah kawasan.

"Jumlah baucar bergantung kepada kepadatan penduduk. Semua penerima sudah dikenal pasti dan proses serahan dibuat dalam masa terdekat," katanya pada 13 Mac.



Beliau menambah inisiatif menerusi peruntukan RM7.510 juta bertujuan meringankan beban orang ramai sekali gus membantu mereka menyedai kelengkapan raya.

Selangor memperuntuk RM16.48

juta tahun ini bagi program pemberian baucar perayaan mengikut komponen kaum yang memanfaatkan 82,400 penerima.

Bermula tahun lalu, syarat pendapatan isi rumah bagi pemohon ditingkatkan daripada RM2,000 kepada bawah RM3,000 sebulan bagi memberi peluang lebih ramai menerima manfaat bantuan ini.

Pada sambutan Tahun Baharu Cina pada Januari lalu, Kerajaan Negeri menyediakan 23,900 baucar melibatkan dana RM4.78 juta yang diagihkan ke setiap kawasan.

## Sumbangan RM840,000 untuk PIBG

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar menyampaikan sumbangan RM840,000 kepada 840 Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di negeri ini dalam majlis berbuka puasa bersama warga pendidik.

Turut menyerahkan sijil penghargaan kepada sekretariat Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS), Dato' Seri Amirudin Shari berkata sektor pendidikan teras dalam memacu pembangunan dan ekonomi.

Beliau menjelaskan agenda tersebut juga dijayakan dalam setiap situasi dan terserlah menerusi Tawaran

Kita Selangor: Lima Tekad Untuk Lima Tahun sempena pilihan raya negeri tahun lalu.

"Pembangunan ekonomi bukan hanya bergantung kepada usaha tarik pelabur, menjalankan kegiatan rancak tetapi turut bergantung dengan pendidikan kerana pelabur mahukan tenaga kerja.

"Berikutan itu, pendidikan teras penting dalam pentadbiran. Ia juga berkaitan dengan pembangunan sosial hingga keharmonian masyarakat dan membentuk anak-anak," katanya.

Amirudin menghadiri majlis ber-

buka puasa bersama hampir 1,500 masyarakat pendidik termasuk tenaga pengajar kelolaan Kerajaan Negeri di Dewan Raja Muda Musa di sini pada 17 Mac.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Dato' Shahzihan Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Saipolyazan Mat Yusop.

Shahzihan turut menyerahkan sumbangan Tabung Infak Jariah Umat Islam Negeri Selangor (Tijari) RM50,000 kepada wakil sekolah agama bawah Jais di Klang dan Petaling.

## Sokongan wakil PN kukuhkan negeri

**SHAH ALAM** - Sokongan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selat Klang terhadap pentadbiran pimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengukuhkan lagi Kerajaan Perpaduan di Selangor.

Beliau percaya keputusan Datuk Abdul Rashid Asari baru-baru ini memberi motivasi kepada pimpinan akar umbi untuk menguatkan kerajaan sedia ada.

Amirudin yang juga pengerusi Pakatan Harapan Selangor menyifatkan Rashid membuat pilihan sendiri meski menyedari risiko berikutan pindaan perlembagaan Parti Pribumi Bersatu Malaysia.

"Tindakan ini mungkin disebabkan isu dalaman," kata beliau pada 17 Mac.

Pada 6 Mac, Abdul Rashid menyatakan sokongan kepada kepimpinan Amirudin berikutan Perikatan Nasional (PN) Selangor berdiam diri terhadap tohmahan kepada Raja-Raja Melayu.

## 5.69 juta kemas kini sistem Padu

**SHAH ALAM** - Seramai 5.69 juta daripada 30.08 juta rekod individu menerusi sumber data pentadbiran mengemas kini maklumat sistem Pangkalan Data Utama (Padu) setakat 18 Mac.

Berdasarkan maklumat di Facebook, Selangor mencatat jumlah kemas kini tertinggi iaitu 0.86 juta orang, diikuti Sarawak (0.70 juta), Johor (0.58 juta), Perak (0.53 juta) dan Sabah (0.48 juta).

Kedah pula merekodkan 0.40 juta, Kelantan (0.38 juta), Kuala Lumpur (0.35 juta), Pahang dan Pulau Pinang masing-masing 0.31 juta, Terengganu (0.29 juta) manakala Negeri Sembilan (0.24 juta).

## Mohon insentif masuk IPT RM1,000

**SHAH ALAM** - Anak Selangor dalam kalangan keluarga berpendapatan RM5,000 ke bawah dipelawa memohon insentif wang tunai RM1,000 antara 15 Mac hingga 15 April.

Program Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) terhad kepada 3,000 individu. Isi permohonan dalam pautan edanapendidikan.selangor.gov.my atau imbas kod QR di poster.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari ketika membentangkan Belanjawan 2024 pada November tahun lepas berkata RM3 juta disediakan untuk meneruskan program HPIPT.

Beliau menambah Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor (TKWBNS) juga diteruskan melalui peruntukan RM9 juta demi memperkasa pendidikan di negeri ini.

Selain itu, 2,500 pelajar disasar menerima Bantuan Asas Yuran Universiti (Bayu) pada tahun ini untuk menyambung pengajian bagi mengurangkan beban keluarga berpendapatan rendah.

## Fasa satu pusat industri siap 2027

**SHAH ALAM** - Fasa pertama taman perindustrian (GRIP) Kota Puteri di Gombak yang menjalankan kegiatan perindustrian mesra alam dijadual siap menjelang 2027.

EXCO pelaburan berkata projek pembangunan berpusat dan berpagar kendalian Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor melibatkan 13 lot, berkeluasan satu hingga dua hektar.

Bermula Mei, projek yang dilancarkan tahun lalu menurut Ng Sze Han, menarik minat 50 pembeli untuk mendapatkan lot industri bagi melancarkan operasi mereka.

"Keseluruhan projek seluas 152 hektar melibatkan tiga fasa dengan sasaran siap dalam 10 tahun. Kita anggar pembangunan ini mencatat nilai pembangunan kasar RM2 bilion," katanya pada 11 Mac.

Beliau yang melancarkan lot eksklusif industri itu memberitahu hab halal turut dibangunkan apabila GRIP Kota Puteri siap sepenuhnya dengan menyasar peniaga kecil dan sederhana.

"Kita harap projek ini mampu menarik lebih ramai pemain industri dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi, sekali gus menyumbang peluang kerja dan pendapatan," katanya.

# Peluang pelajar tingkat kemahiran

**SHAH ALAM** - Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) memeterai usaha sama dengan syarikat jualan motosikal iMotorbike bagi memperkasa pendidikan dan pembangunan belia negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia juga memberi peluang pelajar dan lepasan STDC mengikuti kursus latihan industri dan peluang kerja dalam industri permotoran.

"Kerjasama bersama iMotorbike salah satu inisiatif untuk meningkatkan kemahiran pelajar industri STDC yang akhirnya bakal memacu pertumbuhan

ekonomi Selangor," katanya.

Beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Pengerusi STDC Nazri Noh dan Ketua Pegawai Eksekutif iMotorbike Gil Carmo di sini pada 15 Mac.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) Raja Ahmad Shahrir Iskandar.

Amirudin memaklumkan iMotorbike yang menjalankan perniagaan pembelian dan jualan motosikal terpakai antara syarikat pemula pertama menerima pelaburan terbesar PNSB bernilai RM2 juta.

Beliau menambah syarikat itu terpilih daripada 150 permohonan susulan kejayaan menjana keuntungan tahunan lebih RM23 juta selain memiliki rangkaian syarikat di Vietnam.

"Pelaburan ini menjadi sumber baharu kepada Selangor yang turut menerima keuntungan mengikut peratusan dan satu kitaran untuk kita kembangkan lebih banyak syarikat pemula," katanya.

iMotorbike turut mengumumkan potongan harga RM100 kepada rakyat Selangor bagi pembelian motosikal bawah 250cc dan RM200 bagi kuasa 250cc ke atas.

## Perluas kepada aliran agama

# Sasar 130,000 ikuti tuisyen percuma

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Seramai 130,000 pelajar bakal menerima manfaat Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) pada tahun ini, meningkat sekali ganda berbanding 65,000 peserta sebelum ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu PTRS diperluas kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia dan pelajar tingkatan empat daripada 277 sekolah menengah di negeri ini.

Menjelaskan mereka termasuk pelajar aliran agama daripada keluarga berpendapatan bawah RM5,000 sebu-

lan, beliau berkata program sama juga menyasarkan usaha membantu kelompok murid lemah.

"MBI bercadang melakukan intervensi kepada murid yang mengalami masalah membaca, mengira, mengeja akibat pandemik Covid-19. Ini untuk elakkan kelompok tersebut tersisih," katanya.

Menjawab soalan Dr G Gunaraj di sidang Dewan Negeri Selangor pada 6 Mac, Amirudin berkata aplikasi telefon pintar juga dibangunkan bagi memudahkan akses kandungan dan pembelajaran.

Beliau memberitahu saluran video

langsung juga disediakan dalam aplikasi PTRS berkenaan demi memudahkan komunikasi antara guru dan pelajar sekali gus menambah baik mutu program tersebut.

"Portal ini boleh diakses melalui www.eptrs.my. Saya gembira melihat perkembangan dari sudut kandungan pembelajaran, kaedah pembentukan video hinggalah aplikasi mudah alih," katanya.

Amirudin memberitahu peruntukan RM10 juta disalurkan kepada PTRS iaitu RM7 juta daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI manakala Kerajaan Selangor (RM3 juta).

# RM8 bilion pelaburan taman industri

**SHAH ALAM** - Pembangunan 13 lot fasa pertama taman perindustrian hijau (GRIP) Kota Puteri di Gombak dijangka menarik pelaburan setempat bernilai RM8 bilion, kata EXCO pelaburan.

Ng Sze Han berkata projek melibatkan pelaburan sekitar Rawang, Ijok dan Batu Arang itu bakal menjadi penyumbang ekonomi sekali gus mengukuhkan kedudukan negeri sebagai hab utama.

Beliau menambah GRIP Kota Puteri berkonsep taman perindustrian ber-

pusat dan berpagar kendalian Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor juga menawarkan hampir 6,000 peluang kerja.

"Projek ini menawarkan banyak peluang kerja dan membantu peningkatan taraf hidup serta mengurangkan kadar pengangguran," katanya selepas majlis pelancaran di sini pada 11 Mac.



GRIP fasa pertama yang dijadual siap pada 2027 sebahagian inisiatif dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) melibatkan pembinaan 200 kilang untuk kegiatan perindustrian mesra alam sekitar.

Dibangunkan menerusi tiga fasa atas tanah berkeluasan 152 hektar, GRIP yang dimulakan Mei ini mengambil masa kira-kira 10 tahun untuk siap sepenuhnya.

WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
21 Khamis	6:00	6:10	7:16	1:23	4:28	7:26	8:34	6:00	6:10	7:17	1:24	4:28	7:26	8:35	6:02	6:12	7:17	1:25	4:31	7:28	8:37			
22 Jumaat	5:59	6:09	7:15	1:23	4:27	7:25	8:34	6:00	6:10	7:16	1:23	4:27	7:26	8:35	6:02	6:12	7:17	1:25	4:30	7:28	8:37			
23 Sabtu	5:59	6:09	7:15	1:23	4:26	7:25	8:34	6:00	6:10	7:16	1:23	4:26	7:26	8:34	6:01	6:11	7:16	1:25	4:29	7:27	8:36			
24 Ahad	5:59	6:09	7:14	1:22	4:25	7:25	8:34	5:59	6:09	7:15	1:23	4:25	7:25	8:34	6:01	6:11	7:16	1:25	4:28	7:27	8:36			
25 Isnin	5:58	6:08	7:14	1:22	4:24	7:25	8:34	5:59	6:09	7:15	1:22	4:24	7:25	8:34	6:00	6:10	7:16	1:24	4:27	7:27	8:36			
26 Selasa	5:58	6:08	7:14	1:22	4:23	7:25	8:33	5:58	6:08	7:15	1:22	4:23	7:25	8:34	6:00	6:10	7:15	1:24	4:26	7:27	8:36			
27 Rabu	5:57	6:07	7:13	1:21	4:22	7:24	8:33	5:58	6:08	7:14	1:22	4:22	7:25	8:34	6:00	6:10	7:15	1:24	4:25	7:27	8:36			

WAKTU SOLAT

21 - 27 MAC 2024  
10 - 16 RAMADAN 1445

Waktu terbuka



**CERIA...** Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah menyerahkan sumbangan Aidilfitri berjumlah RM87,900 kepada 586 anak yatim di Masjid Nurul Iman, Kuala Langat. Foto Facebook Selangor Royal Office  
▶ BERITA MUKA 20

## Jawatankuasa urus hak milik strata

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa khas inisiatif pengeluaran hak milik strata bagi perumahan dan hartanah ditubuh bagi menyelesaikan pelbagai isu berbangkit, kata EXCO perumahan.

Borhan Aman Shah menjelaskan jawatankuasa itu antara lain berperanan merancang strategi bagi mengatasi isu skim strata bagi pemilik perumahan atau hartanah yang belum ada hak milik strata.

"Merujuk rekod Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), terdapat pangsapuri yang masih belum memiliki hak milik strata walaupun telah lama didiami.

"Isu ini memberi kesan terhadap pemilik strata untuk membuat urus niaga ke atas petak tersebut. Justeru, kita menubuhkan jawatankuasa untuk menyelesaikan isu tersebut," katanya pada 5 Mac.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar dalam Belanjawan 2024 memaklumkan Selangor merupakan negeri yang mempunyai jumlah hak milik tertinggi dengan anggaran 1.5 juta hak milik tanah dan 800,000 hak milik strata.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak RM200,000 diperuntuk bagi melancarkan operasi jawatankuasa berkenaan.

## Keputusan SMA negeri meningkat

# Lebih 1,000 calon cemerlang

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM** - Keputusan peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) Selangor 2023 meningkat dua peratus kepada 99.6 peratus berbanding 97.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata seramai 1,116 calon memperoleh pangkat cemerlang (Mumtaz) berbanding 783 calon pada 2022.

Beliau menambah 1,197 pelajar mendapat pangkat sangat baik (Jayyid Jiddan), meningkat 6.9 peratus berbanding 1,069 calon pada 2022.

"Bagi calon SMA yang mendapat pangkat baik (Jayyid) 12.8 peratus atau 361 calon berbanding 23.4 peratus atau 707 calon tahun sebelumnya.

"Bagi calon yang memperoleh pangkat lulus (Maqbul) pula adalah 5.1 peratus atau 144 calon berbanding 385 calon pada 2022," katanya dalam majlis pengumuman keputusan peperiksaan pada 14 Mac.

Tahun lalu, 2,860 calon menduduki peperiksaan SMA membabitkan pelajar sekolah agama menengah bantuan khas, Maahad Integrasi Tahfiz Sela-

ngor dan calon sekolah swasta serta persendirian.

Mohd Shahzihan menjelaskan usaha berterusan semua pihak menyaksikan hanya 12 calon belum mencapai tahap minima kelulusan (Musaadah) dan memerlukan bimbingan.



"Marilah kita meningkatkan lagi usaha agar mencapai kelulusan 100 peratus sifar Musaadah dalam peperiksaan SMA akan datang," katanya yang turut mengumumkan kejayaan lulus 100 peratus empat peperiksaan lain sekolah agama menengah negeri.

Peperiksaan itu adalah Sijil Menengah Agama Tahfiz Al Quran, Sijil Menengah Agama Tahfiz Al Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz, Sijil Menengah Agama Turath dan Dakwah dan Sijil Kafa Menengah.

Dalam belanjawan tahun ini, Kerajaan Negeri memperuntuk RM9 juta untuk meneruskan program pembiayaan pendidikan menerusi Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor (TKWBNS).

Seramai 29,199 orang menerima manfaat sebanyak RM421.5 juta sejak program ini dimulakan pada 1985 hingga September tahun lalu.

**Unit Bumiputera Terhad**

## Caledonia Avenue Kedai Pejabat 2 Tingkat

### Pusat Perniagaan Berpotensi Tinggi

Tanggapan pelukis

Tanggapan pelukis

Hak milik kekal | Lokasi strategik dengan laluan trafik tinggi | 22' x 75'

**Kelebihan Tambahan**

- > Berhadapan jalan utama Kuala Selangor-Sungai Buloh
- > Luas binaan 3,075 – 6,542 kps.
- > Dikelilingi ameniti yang tersedia ada
- > Direka dengan ruang yang praktikal

[www.caledonia.my](http://www.caledonia.my) | 017-637 3770 • 013-673 3030 | BSC Sales Gallery

**KLK Land**  
 Suite 1A-1, Tingkat 1, Menara KLK  
 No. 1, Jalan PJU 17/6, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor  
 Tel: 03-7726 1868

**Pejabat Jualan Bandar Seri Coalfields**  
 Galeri & Rumah Kelab BSC, Lengkong BSC 2/4, Presint 2,  
 Bandar Seri Coalfields, 47000 Sungai Buloh, Selangor.  
 Tel: 03-6184 3888 / 013-673 3030

Segala maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk pada pindaan tanpa notis seperti mana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa atau perunding pemaju. Walaupun segala maklumat telah disediakan dengan penuh teliti, pihak pemilik, pemaju dan pengurus tidak boleh dipertanggungjawabkan jika terdapat kesilapan. Untuk mengelakkan dari kekeliruan, sila rujuk pada Perjanjian Jual Beli.

## Cipta 33,000 peluang kerja anak muda

**SHAH ALAM** - Pelbagai program dan inisiatif dijalankan bagi mencipta peluang pekerjaan kepada anak muda di Selangor, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu usaha tersebut termasuk menjalin kerjasama dengan syarikat penyedia teknologi tempatan dan antara-bangsa antaranya Siemens, Apple Inc dan Dassault System.

Amirudin juga menjelaskan Selangor mencipta kira-kira 33,000 peluang pekerjaan untuk diisi pekerja berkemahiran dan separa mahir sepanjang tahun lalu.

"Peluang ini meliputi pelbagai bidang kemahiran yang memerlukan latihan, jadi kita perkemas latihan teknikal dan vokasional di Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor," katanya baru-baru ini.

## JAS nilai loji sisa kepada tenaga

**SHAH ALAM** - Loji Sisa Kepada Tenaga (WTE) bawah projek pembangunan Taman Tenaga Hijau Sultan Idris Shah (SISGE) masih dalam fasa penilaian Jabatan Alam Sekitar (JAS).

EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim berkata projek itu akan melalui penilaian dampak alam sekitar (EIA) dan impak sosial (SIA) merangkumi proses menganalisis, memantau dan mengurus.

"Penilaian ini satu representasi bahawa perancangan pembangunan loji sisa kepada tenaga di Batu Arang dibuat dengan teliti mengikut piawaian antarabangsa," katanya baru-baru ini.

Suee Lim menjelaskan Kerajaan Negeri turut bercadang menjadikan SISGE sebagai Taman Tenaga Hijau bertaraf 'State Of The Art' dengan tidak hanya tertumpu kepada loji WTE sahaja.

## Perluas khidmat van transit ke KLIA

**SHAH ALAM** - Perkhidmatan van transit atas permintaan (DRT) bakal diperluas ke kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dalam masa terdekat.

EXCO Mobiliti Ng Sze Han menjelaskan inisiatif tersebut sebahagian usaha bagi memudahkan pelawat dari dalam dan luar negara untuk membuat tempahan ke destinasi pelancongan.

"Kerajaan Negeri dalam perancangan membekalkan perkhidmatan van DRT ke sekitar KLIA kerana terima permintaan syarikat penerbangan bagi memudahkan mereka membuat tempahan.


"Kita dalam perbincangan dengan syarikat swasta dan akan umumkan perkhidmatan ini di zon baharu dalam masa terdekat," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 6 Mac.

## WHB serah RM2.82 juta zakat niaga

**SHAH ALAM** - Worldwide Holdings Berhad (WHB) melunas zakat perniagaan RM2.82 juta kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi 2024 haul 2023 di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya Datin Paduka Norazlina Zakaria berkata pihaknya memberi keutamaan urusan tersebut dengan niat mendapat keberkatan atas pendapatan tahunan syarikat.

"Di samping membersihkan dan menyuburkan harta perniagaan, kami turut berharap sumbangan ini



dapat membantu LZS merealisasikan dan mengembang (pelbagai) perancangan.

"(Ia) berkaitan pembangunan sosioekonomi rakyat, pemerkasaan agenda amalan berasaskan alam sekitar dan sosial serta tadbir urus khususnya di Selangor," katanya dalam kenyataan.

Pada 13 Mac, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menerima bayaran zakat perniagaan empat anak syarikat Kerajaan Negeri. Norazlina juga menjelaskan WHB

komited memenuhi misi menyumbang semula kepada rakyat menerusi pelbagai aktiviti pembangunan sosial dan ekonomi bawah program Worldwide Prihatin.

Menurut beliau, tanggungjawab sosial korporat itu antaranya kerjasama strategik bersama Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) bermula 2022, dengan sumbangan RM200,000 setiap tahun.

Selain itu, katanya, WHB turut mengukuhkan kerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor menerusi tajaan Pesta Buku Antara-bangsa Selangor setiap tahun.

## MBI peruntuk RM70,000

# Taja kursus latihan tenaga kerja mahir

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**HULU LANGAT** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk RM70,000 bagi menaja 35 penghuni Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP) mengikuti pembelajaran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Ketua pegawai eksekutifnya memberitahu dana bawah program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) 2024 disalur melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC).

Saipolyazan M Yusop menambah ta-

jaan julung kali itu melibatkan program seperti kulineri, pastri, elektrik, automotif, penganjuran kenderaan, penyaman udara dan jahitan.

"Semua lepasan yang dirai memiliki kemahiran dalam bidang masing-masing cuma tiada sijil yang mengiktiraf kemahiran mereka. Program PPT membuka peluang mereka untuk memiliki SKM.

"MBI berharap program ini membantu mereka melangkah jauh sekali gus menjamin masa depan lebih baik," katanya selepas Majlis Konvokesyen PPT 2024 STDC-RPWP tajaan MBI pada 11 Mac.

Rumah pengasih tersebut menempatkan pelbagai golongan seperti anak yatim, orang kurang upaya, warga emas, asnaf fakir dan individu yang mempunyai masalah akhlak.

Saipolyazan berkata MBI sentiasa menyokong usaha melahirkan tenaga kerja mahir serta memperkasa bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) seiring dasar negeri.

"Kerjasama semua pihak penting ke arah lahir pekerja berkemahiran bagi memenuhi keperluan pasaran atau mengisi peluang kerja dalam pelbagai bidang," katanya.

## Kongsi rezeki dengan gelandangan

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyantuni golongan kurang bernasib baik termasuk gelandangan menerusi Ramadan Kasih PKNS siri keempat di sekitar ibu kota.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat) Suhaimi Kasdon berkata inisiatif tanggungjawab sosial korporat itu bertujuan memberi peluang kepada

PKNS berkongsi rezeki dengan mereka yang kurang berkemampuan.

"Program Berbuka Bersama Gelandangan Ramadan Kasih PKNS ini mengagihkan 300 bungkusan makanan kepada golongan tersebut di sekitar Jalan Chow Kit.

"PKNS memilih gelandangan kerana menyedari dalam keadaan ekonomi hari ini, golongan ini kian bertambah

terutama di bandar besar seperti Kuala Lumpur. Pendekatan membantu mereka adalah langkah yang sangat digalakkan dalam agama," katanya pada 18 Mac.

Suhaimi berkata seramai 30 sukarelawan terdiri daripada kakitangan PKNS terlibat bagi membantu mengedarkan juadah selain berbuka puasa dan solat Maghrib berjemaah.

## Peluang menang pas bermusim

**SHAH ALAM** - Orang ramai berpeluang memperoleh tiket perlawanan bola sepak dan baucar barangan rasmi Selangor FC secara percuma menerusi program kutipan minyak masak terpakai sepanjang Ramadan ini.

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memaklumkan program tersebut diadakan di bazar Rama-

dan Seksyen 13 (Stadium Shah Alam), bazar Seksyen 19 dan bazar Seksyen 17.

"Program ini turut dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) dan syarikat pengendali sisa minyak Fathopes Energy," katanya menerusi Facebook pada 18 Mac.

Program berkenaan menyediakan ganjaran istimewa pada hari ketujuh, 14 dan 21, selain pengumpul terbanyak

berpeluang menerima satu pas bermusim Selangor FC 2024/2025.

Ganjaran juga dibahagi kepada dua kategori iaitu Ganjaran Merah bagi timbangan minyak 1 hingga 5 kilogram (kg) dan Ganjaran Kuning bagi timbangan minyak 6kg ke atas.

Pengumpulan minyak masak terpakai dibuat setiap hari sepanjang Ramadan bermula jam 4 petang hingga 8 malam.



Jamaliah merasmikan Pusat Obstetrik dan Ginekologi di Hospital Assunta, Petaling Jaya pada 14 Mac. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Assunta Wilson Choo (dua, kiri) dan Perunding Obstetrik dan Ginekologi Dr Kharaj Balasubramaniam (kiri). Foto REMY ARIFIN

## Saran wujud enakmen khas

# Perhebat kempen bebas beg plastik

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

**PETALING JAYA** - Kempen kesedaran bebas beg plastik dan polisterin diperhebat demi memelihara dan memulihara alam sekitar, kata EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin.

Beliau memberitahu inisiatif sedemikian bertujuan mendidik masyarakat mengenai kepentingan dalam mengurangkan penggunaan dua barangan berkenaan dan kesannya terhadap alam sekitar.

"Kempen lebih kepada memupuk kesedaran supaya masyarakat tidak menggunakan dua bahan tersebut

lagi. kita sedar tiada peruntukan khas berhubung larangan penggunaan barangan itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pusat Obstetrik dan Ginekologi Hospital Assunta di sini pada 14 Mac.

Jamaliah juga mahu berbincang dengan penasihat undang-undang negeri bagi mewujudkan enakmen larangan penggunaan bahan itu selain bertemu pemain industri dan pihak berkuasa tempatan.

"Keputusan perbincangan mungkin dimaklumkan akhir tahun ini kerana prosesnya rumit selain banyak isu perlu diteliti," katanya.

Beliau menambah perbincangan untuk menaikkan kadar caj penggunaan beg plastik 20 sen juga akan dijalankan selain memberi tumpuan kepada penggunaan plastik kitar semula.

Jamaliah yang juga EXCO kesihatan awam turut menasihati orang ramai supaya berjaga-jaga melakukan kegiatan di luar bangunan ketika cuaca panas, lebih-lebih lagi sepanjang Ramadan.

"Kerajaan sentiasa memantau cuaca terkini dengan Jabatan Alam Sekitar. Mereka memaklumkan keadaan tidak begitu kritikal tetapi masyarakat tetap perlu berjaga-jaga," katanya.

## Meriahkan iftar di Masjid Al-Ehsan

**SHAH ALAM** - Orang ramai dipelawa memeriahkan Majlis Iftar Bandaraya Shah Alam 2024/1445H di Masjid Al-Ehsan Seksyen 24 di sini pada 22 Mac.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memaklumkan pihaknya memperuntuk juadah berbuka puasa percuma kepada 1,000 orang selain pengisian pelbagai program menarik.

"Antara pengisian menarik ialah bacaan taranum al-Quran oleh pemenang Naib Johan Tilawah al-Quran peringkat Wilayah Persekutuan 2022 dan 2023, Ammar Mukhlis.

"Kita juga ada sesi tazkirah bertajuk Bukan Hamba Ramadan yang akan disampaikan pendakwah bebas, Salman Maslori serta kehadiran selebriti Raqib Majid," katanya me-

nerusi Facebook.

Menurut MBSA, program iftar perdana itu turut diserikan dengan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim selain solat Magrib, lsyak dan tarawih berjemaah.

Tambahnya aturcara majlis yang bermula jam 6 petang hingga 10.30 malam itu disempurnakan oleh Datuk Bandar Cheremi Tarman.

## 187,243 mohon Rumah Selangorku

**SHAH ALAM** - Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) meluluskan pembinaan lebih 100,000 unit Rumah Selangorku pelbagai kategori dalam tempoh beberapa tahun ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan hampir 70,000 unit menunggu proses kebenaran merancang manakala selebihnya masih dalam pembinaan.

"Tahun ini hingga 2026, banyak projek akan siap antaranya Rumah Idaman (Bandar Saujana Putra) untuk diserahkan kepada pemilik. Projek ini diambil daripada pema-ju tanah yang cuai," katanya.

Beliau menambah sebanyak 187,243 permohonan Rumah Selangorku diterima sepanjang 2018 hingga tahun lalu melibatkan 42,238 permohonan menerima tawaran dan 115,095 dalam senarai menunggu.

Dalam tempoh sama, terdapat 95 projek melibatkan 30,327 unit rumah diserahkan kepada pembeli manakala 29,910 lagi menolak disebabkan isu kelulusan dokumen.

## Pusat sehati bantu ibu hamil

**PETALING JAYA** - Usaha Hospital Assunta dalam menyediakan pusat obstetrik dan ginekologi yang lengkap dengan kemudahan tindakan tepat, kata EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin.

Beliau memberitahu pusat itu yang dilengkapi farmasi, kaunter bayaran dan berhampiran dengan tempat letak kereta itu memudahkan pesakit khususnya wanita menjalani pemeriksaan.

"Pusat obstetrik dan ginekologi yang kini dijadikan pusat sehati bagus kerana ia dilengkapi kaunter bayaran, kemudahan mengambil ubat dan parkir.

"Ini langkah bagus, memudahkan pesakit kerana mereka perlu melalui banyak proses terutama bagi ibu hamil," katanya selepas perasmian pada 14 Mac.

## RM30 juta pantau sumber air mentah

**SHAH ALAM** - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) membelanja RM30.25 juta bagi memantau, mengawal dan membuat penguatkuasaan sepanjang kawasan sumber air mentah sejak 2018 hingga tahun lalu.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menjelaskan kos berkenaan meliputi pembangunan stesen telemetri, perolehan peralatan pemantauan dan kerja senggara.

"Berlaku lonjakan ketara apabila pada 2020, agensi tersebut membelanja sebanyak RM360,000 manakala meningkat kepada RM8.86 juta pada 2021.

"Keperluan dana bagi operasi Skwad Pantas LUAS yang membuat rondaan 24 jam di lembangan sungai dan Operasi Pengepaman Air Kolam (OPAK) di Bestari Jaya," katanya baru-baru ini.

## Latih 50 syarikat pemula

**SHAH ALAM** - Sebanyak 50 syarikat pemula serta latihan dan bimbingan percuma bawah Program Pemecut Selangor (SAP) kohort ketujuh yang dijadual berlangsung pada Jun hingga Oktober.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han memberitahu program berkenaan memberi penekanan kepada perdagangan karbon, tenaga diperbaharui dan kenderaan elektrik serta pertanian pintar dan kitar semula.

"Program selama empat bulan ini turut menerapkan konsep mampan dalam syarikat tunas perintis bagi menepati piawaian alam sekitar, sosial dan amalan tabdir urus (ESG).

"Pendaftaran dibuka kepada semua syarikat pemula. Sebanyak 50 syarikat akan dipilih sebelum 20 daripadanya disenarai pendek untuk sesi pembentangan. Dari situ, kita pilih 10 pemenang," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 6 Mac.

## Buka permohonan anjur jualan murah

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membuka permohonan dalam talian untuk penganjuran Jualan Ehsan Rahmah (JER).

Dalam kenyataan di Facebook, PKPS mempelawa mana-mana pihak yang berminat untuk membuat permohonan menerusi pautan [forms.gle/3xE6acRZRv17X-2zT6](https://forms.gle/3xE6acRZRv17X-2zT6) atau mengimbas kod QR di poster.

Pada 15 Januari, Pengurus Besar Sektor Perniagaan dan Pemasaran PKPS Rosnani Abd Malik berkata permohonan boleh dibuat melalui wakil rakyat, ketua kampung, pihak berkuasa tempatan, ahli majlis atau jabatan kerajaan.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM13).

## Tawar pelan pulih pembiayaan

**SHAH ALAM** - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) menawarkan pelan pemulihan pembiayaan kepada mana-mana peminjam yang berdepan masalah kewangan.

Usahawan terlibat boleh memohon untuk membuat penyusunan semula anuran bulanan pinjaman di cawangan pejabat Hijrah berhampiran dengan menghubungi pegawai 12 cawangan.

"Kami bersedia membantu anda dengan tawaran pelan pemulihan pembiayaan bagi menyusun semula jadual pembayaran balik anda," kata kenyataan di Facebook pada 15 Mac.

Peminjam juga boleh menyemak baki pembiayaan dalam talian menerusi [mikrokredit.selangor.gov.my](https://mikrokredit.selangor.gov.my)

# Tiga beranak tamat kursus kemahiran

**HULU LANGAT** - Tiga beranak berkongsi kegembiraan berikutan mereka bergraduasi serentak untuk menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam Konvokesyen Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) 2024.

Bekas kakitangan kerajaan Hayati Abdullah, 44, bersama Mohd Fadli Osman, 44, dan anak Ahmad Naufal Suhaimi, 18, menerima sijil tersebut dalam majlis di sini pada 11 Mac.

PPT hasil kerjasama Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) hasil tajaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Penyampaian sijil tersebut disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif MBI Saipolyazan M Yusop.

RPWP menempatkan sukarelawan sepenuh masa yang menjaga pelbagai golongan antaranya anak yatim, orang kurang upaya, warga emas, asnaf fakir dan individu yang ada masalah akhlak.

Menurut Hayati yang bertugas sebagai tukang masak di RPWP, beliau dan Fadli sebelum ini ada peniagaan sambilan tetapi berhenti kerja untuk menjadi sukarelawan di RPWP pada 2015.

"Sebelum ini RPWP ada restoran dan saya kerja separuh masa selepas waktu pejabat, lama-kelamaan mengambil keputusan berhenti dan menjadi sukarelawan sepenuh masa," katanya.

Sebelum ini bertugas di Institut Pendidikan Guru, Kuala Lumpur, Haya-

ti tidak kesal berhenti pekerjaan tetap untuk membantu penghuni di rumah itu selain melihat anak membesar depan mata.

"Di sini suasana lebih tenang dapat melihat anak membesar depan mata, belajar ilmu agama dan saling membantu antara satu sama lain," katanya.

Berkongsi keputusan untuk ke RPWP, Mohd Fadli yang mendapat SKM bidang automotif melihat persekitaran di rumah pengasih itu lebih tenang serta seimbang dunia dan akhirat.

"Kami tergerak untuk masuk ke sini selepas melihat keperluan untuk membantu penghuni di sini yang rata-ratanya golongan asnaf dan anak yatim. Di sini kami seakan satu keluarga," katanya.

## Galak belanja tanpa tunai

# Edar 3,000 Kupon Digital Rahmah

Oleh **NAS NORZIELA NASBAH**

**PETALING JAYA** - Sebanyak 3,000 Kupon Digital Rahmah bernilai RM10 diedar kepada orang ramai sempena kempen Platform Selangor (PLATS) Masuk Bazar sepanjang sambutan Ramadan.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) menjelaskan edaran melalui dana RM40,000 meneruskan kempen sama yang diadakan selama dua bulan pada tahun lalu.

Ahmad Azri Zainal Nor berkata orang ramai turut menerima kupon digital RM20 meliputi beberapa lokasi atas inisiatif pihak berkuasa tempatan bagi menggalakkan penggunaan tanpa tunai.

"Kita menjelajah ke lapan lokasi terpilih dan edaran kupon digital adalah RM10 berbanding PLATS Masuk Pasar iaitu RM5," katanya di bazar Ramadan Jalan SS 6/1, Kelana Jaya pada 15 Mac.

Beliau juga memberitahu sebanyak 550 kupon digital khas RM20 setiap

satu diedar ke bazar Ramadan bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

PLATS diperkenalkan pada Ramadan 2020 bagi membantu perusahaan kecil sederhana untuk melazimi pendigitalan dalam perniagaan berikutan penularan wabak Covid-19 pada masa itu.

Program Latihan Pembangunan Usahawan Plats (U-PLATS) juga diadakan bagi membantu usahawan menguruskan perniagaan secara digital.



# Barang murah, jimat belanja dapur

**KLANG** - Pesara tentera mengunjungi Jualan Ehsan Rahmah (JER) sebanyak 10 kali bagi membeli pelbagai barangan keperluan harian yang segar lagi murah berbanding harga pasaran.

Abdul Rahim Husain, 66, mengakui beliau sentiasa tertanti-nanti program kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu diadakan berhampiran rumahnya.

"Tawaran ini rezeki buat kita sebagai rakyat. Harganya murah dan jimat belanja. Terus kanlah program ini kerana ia membantu orang ramai berbelanja pada harga berpatutan," katanya.

Kakitangan swasta Norsuhaila Ariffin, 41, juga mengakui beliau sering menunggu ketibaan lori JER berhampiran rumahnya untuk berbelanja.

"Saya datang kerana barangan murah. Telur, beras dan ayam jauh lebih murah berbanding pasar raya. Kalau ada lagi program seperti ini, memang pasti saya akan datang," katanya.

Mereka ditemui dalam program JER peringkat Dewan Undangan Negeri Meru pada 13 Mac.

Wakil rakyat Meru Mariam Abdul Rashid pula berazam untuk memastikan program sedemikian diadakan

sekurang-kurangnya dua kali sebulan di setiap kawasan.

"Program ini diadakan sebulan dua kali di semua kawasan di Meru. Sepanjang Ramadan, kita tumpu di kawasan penduduk majoriti Melayu. Setakat ini kita buat sebulan dua kali.

"Kita juga menggalakkan ahli majlis atau ketua kampung memohon PKPS supaya jualan sebegini diadakan lebih kerap," katanya ketika meninjau program tersebut.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal beku (RM10 per pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).







# Himpun kalam Tuhan

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**S**esungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.” – ayat 9 surah al-Hijr. Mukjizat teragung Nabi Muhammad SAW diturunkan beransur-ansur selama 23 tahun. Ia menjadi petunjuk buat manusia sebagai hamba Allah di bumi. Namun semua firman-Nya diturunkan pada zaman itu, tidak terus dibukukan seperti hari ini.

Pengumpulan ayat-ayat al-Quran berlangsung dalam tiga fasa iaitu semasa zaman baginda hidup dan ketika pemerintahan khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Uthman bin Affan.

Ayat al-Quran dikumpul melalui dua peringkat ketika penurunan wahyu masih berlangsung pada zaman Rasulullah SAW. Ia berlaku melalui hafalan sahabat dan arahan baginda agar wahyu ditulis untuk mengelak hilang daripada ingatan.

## Zaman Rasulullah SAW

Penulis buku Ulum al-Quran Asmawi Ehsan menyimpulkan sewaktu turun wahyu, sahabat membaca dan menghafalnya seperti yang diajar Rasulullah SAW. Kemudian mereka menulis ayat itu pada batu, pelepah tamar, kulit binatang atau kepingan kain.

Baginda juga melarang penulis wahyu menulis selain daripada al-Quran kerana dibimbangi berlaku pencampuran antara ayat al-Quran dan bukan wahyu.

Sahabat yang menulis wahyu ialah Abu Bakar, Umar al-Khattab, Uthman, Ali bin Abu Talib, Zaid bin Thabit, Ubai bin Ka'ab, Muaz bin Jabal, Muawiyah bin Abu Sufyan, Khalid al-Walid dan Thabit bin Qais.

Ulama tafsir Syria, Dr Wahbah Al-Zuhaili menulis dalam kitabnya al-Tafsir al-Munir, tiada khilaf dalam kalangan ulama bahawa baginda

sendiri memberi pengarah dan petunjuk langsung kepada penulis wahyu untuk menyusun ayat dan surah mengikut tertib, yang mana perlu didahulukan dan diakhirkan.

Selepas kewafatan baginda, dua cara pengumpulan al-Quran masih kekal. Ditakdirkan berlaku peperangan di Yamamah, pada 11 Hijrah ketika Abu Bakar sebagai khalifah.

## Zaman Abu Bakar

Ramai tentera Islam yang menghafal al-Quran syahid memerangi golongan murtad dalam pertempuran tersebut. Menurut Wahbah, 70 penghafaz al-Quran meninggal dunia.

Bimbang al-Quran terhapus akibat kematian ramai penghafaz, Umar beberapa kali mengesyorkan kepada Abu Bakar supaya mengumpulkan ayat-ayat al-Quran.

Abu Bakar pada mulanya enggan atas alasan tiada bukti kukuh Rasulullah SAW pernah mewasiatkan demikian sepanjang hayat baginda. Dialog antara dua sahabat itu ada direkodkan dalam Sahih Al-Bukhari, dalam Kitab Fada'il al-Quran “Akhirnya Khalifah Abu Bakar as-Siddiq bersetuju dengan cadangan tersebut dan mengarahkan Zaid menyalin al-Quran yang telah ditulis dan dihafaz pada zaman Rasulullah SAW dengan dibantu oleh beberapa orang sahabat yang lain.

“Melalui usaha tersebut maka terkumpul al-Quran yang pertama dalam bentuk lembaran suhuf,” buku Panduan Rasm Uthmani, terbitan urus setia Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran KDN, dipetik.

Pada fasa ini, Zaid berjaya memikul tugas yang diamanahkan. Beliau tidak bergantung semata-mata kepada ayat yang ditulis di pelepah tamar, batu, dan tulang belulang, bahkan beliau menyemak hafalan daripada sahabat.

Justeru pengumpulan al-Quran pada zaman

Abu Bakar ditulis dan dikumpul dalam lembaran-lembaran suhuf tetapi bukan dalam satu mushaf.

## Zaman Uthman

Fasa seterusnya beralih kepada zaman Khalifah Uthman pada 23 Hijrah, apabila dakwah Islam berkembang luas hingga ke wilayah lain antaranya Armenia, Azerbaijan dan Khurasan.

Pada 25 Hijrah, berlaku perbalahan dalam kalangan umat Islam berhubung perbezaan ragam bacaan dan riwayat pembacaan al-Quran yang dipelajari daripada sahabat. Mereka saling bertelagah menyatakan bacaan mereka lebih baik berbanding yang lain.

Aduan mengenainya disampaikan Huzaifah bin al-Yaman kepada Uthman sebelum beliau membentuk jawatankuasa. Diketuai Zaid dan beberapa anggota, kumpulan itu menyelaras dan menyeragamkan al-Quran kepada satu mushaf, yang diterima pakai semua umat Islam.

Justeru jawatankuasa berkenaan menulis semula daripada lembaran-lembaran al-Quran disimpan Hafshah. Beliau mewarisinya selepas kematian ayahnya Umar dan Abu Bakar.

“Ketika ahli-ahli jawatankuasa ini menjalankan tugas, Uthman memberi nasihat dan meletakkan panduan bahawa asas rujukan di dalam penulisan al-Quran ini hendaklah berdasarkan pada al-Qurra’.

“Jika terdapat perbezaan pada baca mereka, maka hendaklah ditulis mengikut bahasa orang Quraisy kerana al-Quran itu diturunkan menurut bahasa Quraisy,” tulis urusetia buku Panduan Rasm Uthmani pada muka surat 18.

Sementara itu, lembaran-lembaran ditulis sebelum itu dikumpul dan dibakar. Enam naskhah salinan disusun oleh jawatankuasa itu. Khalifah Uthman menyimpan satu mashaf yang dikenali ‘Mashaf al-Imam’. Lima lagi dikirim ke Makkah, Syam, Basrah, Kufah dan Madinah bersama-sama seorang qari untuk mengajar penduduk wilayah berkenaan.

# Huru-hara dan cinta

**D**iterbitkan pada 1903, novel sejarah bahasa Arab Fath al-Andalus merakamkan kisah cinta putera raja dan gadis cantik, persaingan kuasa bangsawan Sepanyol dan gereja Katolik abad ke-8.


Babak-babak zaman gelap Eropah berlaku di Semenanjung Iberia membuka ruang kedatangan pasukan muslim memerangi raja Sepanyol yang menindas.

Turut disentuh, peranan komuniti Yahudi membantu pergerakan tentera diketuai Tariq bin Ziyad, sehingga Andalusia menjadi sebahagian wilayah Islam.

Naskah hebat itu ditulis pemimpin Pencerahan Arab awal kurun ke-20, Jurji Zaidan, seorang novelis dan wartawan terkenal yang berasal dari Lubnan.

Meneruskan usaha penterjemahan karya agung, Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) dengan kerjasama Media Selangor Sdn Bhd menerusi projek Siri Pencerahan Selangor menerbitkan terjemahan novel itu dengan tajuk Penaklukan Andalusia.

Abdul Jabbar Md Salleh dan Izzuddin Ramli berkongsi pengalaman menterjemah karya Jurji itu pada 15 Mac.



mendalami sejarah dan budaya Timur Tengah (zaman dahulu) secara mendalam.

**Bagaimana proses awal menterjemah buku ini?**

**Abdul Jabbar:** Lazimnya buku dibaca sehingga habis, kemudian barulah diterjemah menurut lisan Melayu yang sesuai.

**Izzuddin:** Projek terjemahan ini pada awalnya dibahagikan antara dua orang penterjemah, iaitu saya sendiri dan Abdul Jabbar.

Saudara Abdul Jabbar menterjemahkan separuh pertama dan saya mengambil separuh kedua. Saya hanya sempat menterjemahkan beberapa halaman sehingga saya menyerahkan seluruh tugas itu kepada Abdul Jabbar.

Saya kemudiannya dilantik menjadi penyunting buku itu. Kerja penyuntingan sama menariknya dengan kerja menterjemah.

Bagaimanapun, apa yang dilakukan oleh penterjemah dan penyunting pada peringkat awal adalah, kedua-duanya akan membaca dan menghadam dahulu jalan penceritaan, gaya bahasa, mengenal pasti istilah-istilah rumit, dan sebagainya sebelum mula menterjemah.

**Cabaran menterjemah karya sama ada dari segi bahasa dan lain-lain?**

**Abdul Jabbar:** Saya perlu menyampaikan nuansa budaya daripada bahasa Arab dan Inggeris ke bahasa Melayu dengan tepat, kerana Jurji menulis karya ini asalnya dalam bahasa Arab, manakala Roger Allen menterjemahkannya ke bahasa Inggeris.

Saya pula menterjemahkan daripada bahasa Inggeris sambil merujuk silang karya asal milik Jurji, jadi usaha ini memerlukan kajian dan pertimbangan yang teliti.

**Izzuddin:** Dari segi bahasa, istilah atau frasa dalam teks asal yang tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa Melayu.

Menterjemahkan istilah-istilah ini dengan tepat tanpa menghilangkan makna asal adalah suatu cabaran yang besar.

Jurji Zaidan menggunakan gaya bahasa dan naratif yang khas. Memindahkan nuansa dan gaya penulisan asal ke dalam bahasa Melayu tanpa kehilangan daya tarik dan keindahan aslinya adalah satu lagi cabaran.

Selain daripada bahasa, novel ini merujuk kepada konteks budaya, sejarah, dan politik yang tidak biasa oleh pembaca Melayu. Jadi, penelitian yang sangat teliti perlu dilakukan.

**Ilmu baharu diperoleh ketika proses terjemahan?**

**Abdul Jabbar:** Terdapat perincian budaya yang tidak biasanya diperkatakan. Misalnya orang Yahudi lebih cenderung memilih pemerintahan Islam di Andalusia berbanding Kristian kerana rajanya Roderic memerintah dengan kejam. Jadi Yahudi memainkan peranan aktif dalam ▶



**Karya ini mempunyai latar masa dan tempat yang bererti dalam sejarah dan dunia Islam, jadi saya berasa wajar penutur bahasa Melayu didedahkan kepadanya**

**ABDUL JABBAR**



**Kenapa pilih buku tulisan Jurji Zaidan?**

**Abdul Jabbar:** Karya ini mempunyai latar masa dan tempat yang bererti dalam sejarah dan dunia Islam, jadi saya berasa wajar penutur bahasa Melayu didedahkan kepadanya.

Penulisnya pula dipilih kerana Jurji seorang penulis novel sejarah Arab yang terkenal, karyanya tentang Andalusia dianggap sebagai salah sebuah kejayaannya yang paling masyhur. Tulisan-tulisan beliau turut diterjemahkan ke banyak bahasa lain.

**Izzuddin:** Kami memilih buku Jurji Zaidan kerana beliau seorang pengarang yang terkenal dengan karya-karya sejarahnya yang menyeluruh dan mendalam.

Buku-buku beliau menghimpunkan maklumat yang penting tentang sejarah dan budaya Timur Tengah, yang menjadi sumber rujukan yang berharga bagi pembaca yang ingin mendalami topik tersebut.

Selain itu, gaya penulisan beliau yang jelas dan kritis membuatkan pembaca dapat memahami isu-isu yang rumit dengan lebih mudah.

Jadi, pilihan untuk membaca buku tulisan Jurji Zaidan boleh dianggap sebagai langkah yang bijak bagi mereka yang ingin



Istana Alhambra di Granada antara monumen penting kekuasaan Islam di Sepanyol

membantu Count Julian menumpaskan Roderic, seterusnya memudahkan Tariq untuk memasuki Andalusia.

**Izzuddin:** Kami mendapat pengetahuan yang lebih mendalam tentang sejarah dan budaya Andalusia, termasuklah peristiwa penaklukan Islam di wilayah tersebut.

Dari segi bahasa dan kosa kata, kami harus akui bahawa proses menterjemah karya ini telah memperkayakan kosa kata baharu dalam bahasa Melayu serta memperdalam pemahaman tentang struktur dan gaya dalam kedua-dua bahasa.

Penterjemah dapat mengembangkan kemahiran dalam pentafsiran teks terutamanya dalam konteks sejarah dan budaya yang berbeza.

#### Berapa lama proses terjemahan?

**Abdul Jabbar:** Barangkali sekitar lapan ke sepuluh bulan untuk terjemahan saja, tidak termasuk suntingan dan lain-lain.

**Izzuddin:** Lebih kurang sembilan bulan rasanya.

#### Apa pengajaran dalam karya ini yang boleh dijadikan iktibar kepada pembaca?

**Abdul Jabbar:** Buku ini mengajarkan akibat pemerintahan yang lemah dan zalim. Pembaca juga dididik dengan ketahanan Florinda (anak Count Julian) serta percaturan politik Julian dalam mencapai matlamatnya untuk membela kehormatan Florinda.

**Izzuddin:** Penaklukan Andalusia adalah sebuah karya yang menggambarkan peristiwa penaklukan Andalusia oleh pasukan Islam pada abad ke-8. Kita belajar

tentang ketabahan dan keberanian yang luar biasa oleh pihak penakluk. Selain itu, para pembaca juga dapat menghargai keharmonian dalam pelbagai budaya.

Andalusia merupakan tempat di mana budaya Islam, Kristian, dan Yahudi berkembang secara harmoni. Penaklukan Andalusia juga mempunyai kesan yang besar terhadap sejarah dan tamadun dunia.

Pembaca dapat memahami bagaimana peristiwa sejarah tertentu boleh membentuk arah perkembangan manusia dan masyarakat.

#### Ada bab yang beri kesan emosi?

**Abdul Jabbar:** Ada babak yang mengisahkan pengorbanan dan peperangan yang boleh menyentuh hati. Peribadinya, perincian tentang ketua keluarga di ladang anggur yang berusaha menjaga keluarganya daripada serangan tentera paling menunjukkan nasib malang rakyat ketika perang.

#### Bahagian mana paling menarik mengenai penaklukan Andalusia dalam buku ini?

**Abdul Jabbar:** Biasanya apabila bercerita tentang Andalusia, perspektif yang diutamakan adalah perspektif penakluk muslim atau Tariq. Buku ini menawarkan kaca mata Kristian Visigoth yang menghadapi krisis dalaman

tatkala menghadapi kemaraan musuh mereka.

**Izzuddin:** Kesemua bahagian.

#### Mengapa setiap rumah perlu ada buku ini?

**Abdul Jabbar:** Bacaan sejarah daripada pelbagai perspektif membantu kita berlapang dada dan meraikan pihak-pihak yang berbeza.

Membaca tulisan daripada kurun-kurun lampau boleh mencerahkan kita tentang bagaimana orang pada zaman tersebut memahami peristiwa yang berlaku.

**Izzuddin:** Novel Penaklukan Andalusia mungkin tidak diperlukan di setiap rumah kerana setiap orang memiliki minat membaca yang berbeza.

Namun, novel ini mungkin memiliki nilai penting untuk sesetengah orang kerana memberikan wawasan sejarah tentang penaklukan Andalusia oleh bangsa Islam pada abad pertengahan.

Bagi pencinta sejarah atau yang ingin memahami lebih mendalam tentang sejarah Islam di Sepanyol, novel ini boleh menjadi bahan bacaan yang menarik.



**Buku tulisan Jurji Zaidan boleh dianggap sebagai langkah yang bijak bagi mereka yang ingin mendalami sejarah dan budaya Timur Tengah (zaman dahulu)**

**IZZUDDIN**



Buko, pencuci mulut Filipina dengan lapan perisa di bazar Stadium Shah Alam. Perisa mangga dan laici antara yang paling laris



Gerai Kuhot memperkenalkan apam balik berinti pizza di bazar Kompleks PKNS, istimewa sepanjang Ramadan sahaja



Kuih tokio daripada resipi Thailand dijual hampir 1,500 keping sehari di bazar Stadium Shah Alam



Corndog, menu berasaskan sosej dari Korea Selatan sering menjadi perhatian kanak-kanak yang berkunjung ke bazar stadium



Berasal dari India, panipuri yang berasaskan tepung soya boleh dihidang dengan pelbagai jenis pencerah



Hidangan roti berdaging berasal dari tanah besar China boleh didapati di bazar Stadium Shah Alam

ISLAM mengutamakan juadah yang halal. Dari negara mana ia berasal, asing atau tempatan, bukannya masalah besar. Tepuk dada, tanya selera.

Dengan pesatnya limpahan budaya luar dalam arus globalisasi, juadah di bazar Ramadan turut berubah. Juadah tempatan yang berasaskan budaya Melayu, India dan Arab diasak cita rasa lebih pelbagai.

Dahulu nasi beriani, ayam percik dan apam balik sudah menjadi kelaziman. Kemudian muncul burger dan roti john. Kini lebih banyak pilihan terbentang: dari Sepanyol, Itali, Korea Selatan, Jepun, China dan Filipina.

Makanan luar atau gharib diolah mengikut lidah tempatan. Malah ia diperagakan dengan dekorasi menarik bagi menambat hati pengunjung bazar Ramadan.

Wartawan NADIAH ZAMLUS cuba menjejak perubahan selera waktu terbuka. Jurufoto REMY ARIFIN dan MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN merakam hidangan menarik di bazar Ramadan Stadium Shah Alam dan Kompleks PKNS Shah Alam antara 14 hingga 19 Mac.



Makaroni dimasak di dalam kawah keju Grana Panado. Sebiji keju besar ini bernilai antara RM6,000 hingga RM8,000



Berasaskan adunan donut, hidangan ini diolah dalam bentuk bulat. Berharga RM4.50 sekeping, ia mempunyai perisa strawberi atau coklat



Comel dan nampak sedap, pankek mini Baby Pancakes dijual di gerai Thirsty No More dengan sembilan perisa



Churros, makanan popular dari Sepanyol, antara menu menarik di bazar Stadium Shah Alam



Lebih kecil, donut ini disalut serbuk biskut Biscoff dan Oreo, dua jenama popular sebagai perisa juadah



Air balang pelbagai warna dengan perisa yogurt dijual di bazar Stadium Shah Alam. Lebih 500 gelas terjual setiap hari



Tiga jenis kek ini berharga RM5. Dijual oleh Modernecks, hampir 200 kotak sehari habis di bazar Kompleks PKNS



Pengunjung ke bazar Kompleks PKNS boleh mencuba jeli pelbagai perisa dengan potongan buah segar



Tauhu dengan inti lima rasa iaitu daging, ayam, udang, ketam dan ikan. Satu set lima jenis inti ini dijual RM10

# Juadah bazar diagih, sisa pepejal dibersihkan



Oleh **NADIAH ZAMLUS**  
Foto **FIKRI YUSOF & REMY ARIFIN**

**R**amadan, bulan dibanjiri pelbagai jenis makanan. Peniaga berlumba-lumba menjual aneka menu. Ribuan juadah tersedia di bazar.

Namun tanpa sedar, statistik menunjukkan sisa bazar Ramadan terbuang hampir 80 tan metrik sehari di Selangor pada tahun lalu.

Juadah berbuka tidak terjual itu menambah jumlah sampah domestik 7,000 tan metrik sehari yang dikutip pada bulan biasa.

Peningkatan mendadak direkodkan pada 2023 apabila 73.67 tan metrik sampah bazar Ramadan dibuang sehari berbanding 50.78 tan metrik pada 2022.

Sementara tahun ini jumlah sisa bazar tetap meningkat, namun tidak ketara seperti tahun sebelumnya. Hanya 2.8 peratus kenaikan dicatatkan menjadikan 75.72 tan metrik sampah dibuang sehari.

Penolong Pengurus Besar Komunikasi Korporat KDEB Waste Management (KDEBWM) Mahfuzah Muhammad Tarmidi berkata hasil pemantauan mendapati ada peniaga mula sedar.

“Setakat ini hasil pemantauan kami mendapati penjual semakin peka kerana sampah yang

dibuang membabitkan sisa makanan sahaja. “Kita sudah jarang nampak sampah yang dibuang seperti kuih atau lauk pauk,” katanya kepada Selangorkini pada 18 Mac.

## Kesedaran peniaga

Kesedaran dalam kalangan peniaga itu juga antara usaha yang digerakkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerusi program MBSA MySaveFood @Bazar Ramadan.

Bermula sejak 2021, sekumpulan kecil sukarelawan cuba menyelamatkan ratusan kilogram makanan daripada terus dibuang.

Setelah tiga tahun dilaksana, 6,108 kilogram (kg) makanan tidak dijual dari tujuh bazar Ramadan dikumpulkan.

Inisiatif Jabatan Kebersihan dan Kelestarian Sisa MBSA itu awalnya tertumpu di bazar Seksyen 17 Shah Alam dengan rekod pengumpulan 855.4kg makanan.

Tahun-tahun berikutnya, usaha diluaskan ke tiga bazar dengan rekod 2,294.4kg makanan dan 2023 dengan catatan pengumpulan 2,958.6kg.

Berjaya menyelamatkan enam tan metrik sampah, statistik kutipan sampah sehari bagi kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) MBSA juga menurun.



Pada 2022, MBSA merekodkan 10.64 tan metrik sisa makanan dikutip setiap hari, namun turun kepada 8.89 tan metrik pada 2023.

“Walaupun usaha ini kecil kerana hanya babitkan tiga tapak bazar, namun ia mampu beri impak yang kuat. Oleh itu kepada peniaga, sebaiknya sedia juadah secukupnya. Tahun ini seramai 444 sukarelawan menyertai program berlangsung dari 14 Mac hingga 3 April. Kita tumpu di bazar Seksyen 13, 17 dan 19.



“Hari pertama saja kita sudah kumpulkan 429.76kg lebih makanan, pada kami jumlah ini sangat besar kerana baru hari pertama,” kata Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan Jabatan Kebersihan dan Kelestarian Sisa MBSA Nor Fazliena Adleen Ahmad.

Jelasnya lagi, menjelang waktu berbuka, makanan tidak berjaya dijual akan dihantar ke khemah MBSA MySaveFood. Di situ setiap juadah diterima akan ditimbang.

Malah dibungkus semula dengan rapi sebelum diedar kepada golongan kurang mampu. Pelekat dipasang sebagai peringatan supaya penerima makan dalam tempoh dua jam.

“Sebolehnya kami tidak mahu ada yang keracunan makanan jika makan terlalu lewat. Orang ramai juga diminta supaya sentuh dan hidu juga, bimbang ada makanan sudah basi,” katanya.

Selain diedar ke masjid dan surau. Lebih makanan itu turut diedarkan ke perumahan kos rendah dan kolej kediaman pelajar.

Nor Fazliena menegaskan selain berjaya mengurangkan pembaziran makanan, MBSA MySaveFood bantu tangani kos sara hidup rakyat.

“Dari pengalaman kami, mereka sangat hargai makanan yang diterima dan peniaga secara langsung dapat bersedekah.

“Tetapi kami pesan pada peniaga supaya jangan sedia makanan berlebihan kerana ada juga kalangan mereka suka membantu sehingga sanggup buat makanan lebih. Sedangkan kami

hanya mahu lebih makanan,” katanya lagi.

#### Elak bazir

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) turut menggerakkan usaha elak pembaziran makanan pada tahun ini. PBT itu merekodkan antara lokasi tapak bazar Ramadan paling banyak di Selangor.

“Kempen Jom Makan Sampai Habis merupakan kempen memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak melakukan pembaziran ketika berbelanja dan mengurangkan penghasilan sisa makanan,” kata PBT itu dalam kenyataan.

Mengikut statistik KDEBWM pada 2023, bazar Ramadan seliaan PBT iaitu Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) merekodkan sisa sampah paling banyak dikutip dalam sehari iaitu 17.93 tan metrik.

Diikuti Majlis Perbandaran Kajang (16.1 tan metrik), MPS (13.48 tan metrik), Majlis Bandaraya Subang Jaya (10.99 tan metrik) dan 8.89 tan metrik seliaan MBSA.

Bertanggungjawab mengendalikan kutipan sampah di 175 lokasi dengan 10,817 tapak niaga di seluruh negeri, KDEBWM menyediakan hampir 900 pekerja pembersihan pada Ramadan kali ini.

Pengurus Besar Operasi KDEBWM Mohd Idris Mohamed Yusof berkata kerja pengumpulan sisa makanan bermula jam 8 hingga 10 malam. Ada

tapak bazar Ramadan yang selesai dibersihkan dalam tempoh sejam sahaja.

“Kita kena selesaikan kerja pembersihan secepat mungkin kerana banyak laluan tapak bazar adalah laluan penting. Lagi cepat kerja selesai, lebih bagus,” katanya.

Namun masih ada masalah dikesan berlaku di beberapa lokasi. Peniaga culas membuang air sampah di tempat sepatutnya.

Kegagalan berbuat demikian menyebabkan ada bazar yang berbau busuk walaupun sudah dibersihkan.

“Peniaga tidak boleh mencurahkan air sisa makanan ke jalan raya mahupun ke longkang begitu sahaja. Memang pada waktu itu kita tidak bau apa-apa.

“Tapi dua hingga tiga jam kemudian, bau busuk mula naik. Jadi orang sekeliling pun tak selesa, kalau boleh kita kena jaga kebersihan betul-betul,” tambahnya.

Selesai kutipan, sampah dibawa ke Tapak Pelupusan Sanitari Jeram Kuala Selangor, Tapak Pelupusan Sanitari Tanjung 12 Sepang dan Tapak Pelupusan Bukit Tagar Hulu Selangor.

Bertanggungjawab menguruskan sisa pepejal di Selangor, KDEBWM menegaskan supaya orang ramai terus berhemah ketika membeli juadah berbuka.

“Jangan membazir, beli yang perlu supaya tidak berlaku pembaziran makanan yang akhirnya akan memenuhi tong-tong sampah dan pusat-pusat pelupusan.

“Jika makanan yang ada pembungkus kertas, dan sebagainya, belajarlah asingkan sampah tersebut,” tegas Mahfuzah lagi.



Oleh NADIAH ZAMLUS,  
NORRASYIDAH ARSHAD DAN  
SUHAILA SHAHRUL ANNUAR  
Foto REMY ARIFIN

# Kekok berlakon dengan MB

**L**akonan Fazlina Ahmad Daud yang memegang watak ibu dalam telefilem Ayah Panggil Balik terbitan Kerajaan Selangor cukup berkesan meski dialognya sekejap-sekejap.

Pewaris kepada seniman dan seniwati tersohor, Datuk Ahmad Daud dan Datin Saadiah itu berjaya menampilkan susuk ibu penyayang. Pada masa sama, isteri yang taat kepada watak Cikgu Zainal.

Mencecah usia 49 tahun, beliau akui melakonkan watak Mak Tam menerusi telefilem yang bakal ditontonkan sempena Aidilfitri itu mencabar kerana kerap kali memegang karakter antagonis sebelum ini.

“Setiap lakonan ada cabarannya. Saya selalu dikaitkan dengan watak yang orang tidak suka, tapi kali ini kena jadi ibu dan isteri mithali sudah pasti rasa mencabar juga antaranya kena jaga latar suara supaya penuh keibuan.

“Hingga sekarang saya masih masuk kelas lakonan untuk belajar. Saya biasa berlakon dengan bakat baru, kita sama-sama turut belajar mereka juga beri kerjasama yang sangat baik,” katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Bakal ditayangkan pada 19 April di TV2, adik kepada selebriti terkenal, Fauziah Ahmad Daud atau Ogy itu pernah dikecam tidak pandai berlakon walau berlatar belakang keluarga seniman.

“Mereka kata macam ini ke you berlakon, buat malu famili je. Saya rasa tertekan dan terhina. Tiada belas kasihan langsung.

“Tapi akhirnya saya berterima kasih dekat mereka. Sebab tanpa kata-kata itu saya takkan ada di sini,” katanya yang pernah menerima anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik (Drama) Anugerah Skrin 2016.

Selain Fazlina, pempengaruh terkenal Amira



Drummer atau Nur Amira Syahira Azizul Abidin memegang watak utama sebagai anak. Adik kepada Syafie Naswip.

## Gementar

Penampilan gadis 21 tahun itu tidak mengecewakan walau sebelum ini hanya berlakon di platform media sosial sahaja.

Pernah menerima pengiktirafan sebagai YouTuber Terbaik Asia, gadis Pulau Pinang itu awalnya gementar kerana banyak nama besar dunia seni selain penampilan khas Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

“Saya masih dianggap baharu dalam bidang lakonan. Jadi bila bergabung dengan orang lama, perasaan gementar tetap ada.

“Namun semuanya berjalan lancar. Mereka beri tunjuk ajar. Bila ada scene (babak) dengan Dato' Seri, saya agak kekok sebab kita kenal dia sebagai pemimpin. Tapi alhamdulillah semuanya okey,” katanya.

Selain Amirudin, EXCO Kerajaan Negeri Borhan Aman Shah dan Ahli Dewan Negeri Pandamaran Tony Leong Tuck Chee turut membuat penampilan khas.

Telefilem Ayah Panggil Balik mengisahkan konflik keluarga Cikgu Zainal (Zaidi Omar) hingga terpaksa menghalau dua anaknya Fendi dan Husna (Syafie dan Amira) dari kampung.

Kehadiran Abang Kamil (Amirudin) dalam hidup dua beradik itu membantu masa depan mereka. Nama besar lain yang turut memeriahkan drama itu ialah Datuk Ahmad Tamimi Siregar dan pelawak terkenal Ropie.

Bukan hiburan semata-mata, drama hampir dua jam itu sarat kisah kekeluargaan yang mampu membuat penonton mengalir air mata.

Pada masa sama, matlamat Selangor untuk menyampaikan inisiatif Kerajaan Negeri kepada rakyat berlangsung secara santai.

**Bukan hiburan semata-mata, drama hampir dua jam itu sarat kisah kekeluargaan yang mampu membuat penonton mengalir air mata**



Fazlina Ahmad Daud



Nur Amira Syahira



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerahkan al-Quran edisi khas ketika menunaikan solat Jumaat di Masjid Al Nour Hamburg, Jerman pada 15 Mac. Foto BERNAMA ▶ BERITA MUKA 18

Potensi baharu RM45.4 bilion

# 38 teraju industri tambah pelaburan

**SHAH ALAM** - Sebanyak 38 peneraju industri utama dari Jerman, Belgium, Perancis dan Belanda menunjukkan minat membuat pelaburan baharu atau meningkatkan nilai sedia ada di Malaysia.

Menurut Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, syarikat tersebut antaranya X-Fab Silicon Foundries, Mixelis, Infineon Technology, Schott AG, Siemens Energy, Nexperia dan Airbus.

Beliau menambah X-Fab akan membuat pelaburan besar di Sarawak manakala Infineon yang bertapak sejak lima dekad di Malaysia mahu menambah pelaburan sebanyak lima juta euro, lapor Bernama.

"Liputan media antarabangsa seperti Financial Times dan New York Times yang anggap Malaysia sebagai pusat perkembangan elektronik dan semikonduktor dunia membantu usaha kita," katanya.

Menteri kewangan itu juga memberitahu Airbus pula bersedia membeli produk dan perkhidmatan bernilai RM1.4 bilion dari Malaysia untuk Jerman dalam tempoh lima tahun akan datang.

Anwar yang ada bertemu rakan sejawat Canselor Olaf Scholz dan Presiden Jerman Frank-Walter Steinmeier berkata lawatan enam hari itu menghasilkan minat pelaburan baharu

RM45.4 bilion.

Perdana menteri berkata pelabur Jerman dan negara Eropah lain yakin terhadap Malaysia atas faktor kestabilan politik, dasar jelas dan kecekapan kerajaan dalam proses kelulusan projek.

Lebih 700 syarikat Jerman di Malaysia membabitkan pelaburan RM70.24 bilion. Sebanyak 486 projek bernilai RM45.69 bilion terlaksana pada 2023 yang mewujudkan 49,591 peluang kerja.

Nilai perdagangan kedua-dua negara RM63.5 bilion pada tahun tersebut, meningkat 1.8 peratus nilai eksport daripada RM30.03 bilion kepada RM30.56 bilion pada 2022.

## RM200 juta untuk Payung Rahmah

**SHAH ALAM** - Program Payung Rahmah Madani diteruskan pada tahun ini melalui peruntukan RM200 juta, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh.

Menyatakan ia penjenamaan semula Payung Rahmah, beliau berkata inisiatif Jualan Rahmah, Bakul Rahmah dan Menu Rahmah juga dikekalkan demi menangani kos sara hidup rakyat, lapor Bernama.

Beliau ketika menjawab soalan dalam sidang Dewan Rakyat pada 13

Mac menjelaskan inisiatif Pasar Rahmah pula diperluas ke bazar Ramadan Rahmah meliputi 64 lokasi seluruh negara.

"Di bazar Ramadan juga disediakan Menu Rahmah dan pemberian eDompot kepada pengunjung yang dilancarkan di Presint 14, Putrajaya menerusi pemberian 1,000 eDompot bernilai RM20.

"Inisiatif Ehsan Rahmah turut diperkenalkan melibatkan swasta dan industri berbentuk sumbangan ehsan kepada masyarakat termasuk pekerja

mereka (guna dana swasta dan syarikat).

"Turut disediakan, kad diskaun Menu Rahmah kepada (peniaga) Menu Rahmah dan Menu Siswa Rahmah melibatkan sekitar 30 peniaga diluluskan yang menawarkan diskaun hingga 40 peratus," katanya.

Berdasarkan kajian, Fuziah memberitahu 87 peratus rakyat berharap program Payung Rahmah dikekalkan manakala 73 peratus lagi mengakui program itu mengurangkan kos sara hidup.

## Hulu Selangor, KL catat 37 Celsius

**SHAH ALAM** - Kawasan Pokok Sena di Kedah merekod suhu panas tahap dua atau gelombang haba setakat 4.30 petang pada 16 Mac, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Suhu tahap berjaga-jaga atau tahap satu pula direkod meliputi 17 lokasi iaitu Perlis selain Padang Terap, Sik, Baling, Kuala Muda, Pendang dan Kota Setar di Kedah, lapor Bernama.

Situasi sama berlaku di Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta, Kampar dan Batang Padang di Perak selain Raub, Temerloh dan Bera di Pahang dan Hulu Selangor di Selangor serta Kuala Lumpur.

Gelombang haba merujuk suhu maksimum harian 37 hingga 40 darjah Celsius tiga hari berturutan manakala tahap berjaga-jaga pula antara 35 hingga 37 darjah Celsius dalam tempoh sama.

## Kecam Israel bom pusat makanan Gaza

**SHAH ALAM** - Malaysia mengesahkan sekeras-kerasnya serangan rejim Israel ke atas pusat pengedaran makanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Rafah, Gaza.

Wisma Putra menyifatkan serangan tersebut yang menyasarkan pusat pengedaran makanan agensi PBB pada 13 Mac menyalahi undang-undang dan tidak berperikemanusiaan, lapor Bernama.

"Malaysia mengulangi gesaan agar gencatan senjata serta-merta dan kekal dicapai untuk menghentikan pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin yang tidak bersalah.

"Dan memastikan akses bantuan kemanusiaan tanpa halangan, selamat, mencukupi dan berterusan bagi memastikan makanan, ubatan, keperluan asasi sampai ke Gaza," kata kenyataan itu.

## Pecat jika ada aduan gangguan seks

**SHAH ALAM** - Guru yang didapati melakukan gangguan seks terhadap pelajar akan terus dipecat, kata Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek.

Beliau menegaskan penekanan tersebut perlu demi memastikan kejadian sedemikian tidak sesekali berlaku terhadap mana-mana warga institusi pendidikan di sekolah mahupun lokasi lain.

"Ini untuk semua. Tidak kira anak murid diganggu di rumah sekalipun, you touch you go (kamu sentuh, kamu dipecat) kepada yang membuat keganasan ini," katanya.

Menteri Undang-undang Datuk Seri Azalina Othman Said pula menasihati pendidik supaya segera membuat laporan jika menerima aduan, bukannya bertindak menyorokkan kes seumpama itu.

"Jika tidak lapor, kamu akan dikenakan tindakan. Jangan hanya pentingkan maruah sekolah," katanya.



## Anwar lantang bela Palestin depan kuasa besar

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**SHAH ALAM** - Ketegasan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai pembantaian terhadap penduduk Palestin oleh tentera Israel khususnya di Gaza menarik perhatian dunia.

Kelantangan beliau yang konsisten mempertahankan hak rakyat Palestin di atas pentas dan forum di luar negara kini telah mula membuka mata pemimpin dan masyarakat antarabangsa.

Selain misi menarik pelaburan asing melabur di Malaysia, menteri kewangan itu tanpa berselindung mendesak agar gencatan senjata di Palestin dilakukan dan menghentikan kezaliman supaya bantuan kemanusiaan disalurkan.

Perdana menteri berterus terang mengkritik sikap negara kuasa besar dan sekutunya yang acuh tidak acuh untuk menghentikan konflik itu sejak bermula pada 7 Oktober 2023. Sebaliknya mereka pula mengecam pertubuhan Hamas.

Dalam lawatan kerjanya di Jerman enam hari bermula 10 Mac, Anwar menegaskan pendirian Malaysia itu di depan Canselor Jerman Olaf Scholz selepas di-  
asak para wartawan.

Beliau menegaskan pendirian dasar luar negara yang tekal menentang penjajahan, apartheid, pembersihan etnik atau rampasan hak mana-mana negara, termasuk Ukraine dan Palestin.

Malah Anwar berkata tindakan Israel yang merampas tanah rakyat Palestin sejak puluhan tahun lalu sebagai punca yang membangkitkan tindak balas dan kemarahan rakyat negara itu.

"Apa yang saya tolak dengan keras ialah naratif ini, obsesi ini, macamlah semua masalah bermula dan berakhir pada 7 Oktober. Ia tidak bermula dengan 7 Oktober dan tidak berakhir dengan 7 Oktober," katanya.

"Bagaimana dengan penempatan haram dan sikap penceroboh haram ini? Bagaimana pula dengan nasib mereka yang dirampas hak, maruah dan tanah milik mereka?"

"Adakah ini tidak penting? Di mana tercampaknya kemanusiaan? Mengapa wujud hipokrisi ini?" katanya pada 11 Mac.

Kritikan Anwar itu mengundang sokongan individu berpengaruh dunia dalam pelbagai bidang antaranya bekas bintang ragbi All Blacks Sonny Bill William, wartawan warga British-Amerika Mehdi Hassan, wartawan Perancis Arnaud Be-

trand, penyanyi Maher Zain dan ahli politik Portugis Bruno Maceas di dalam media sosial mereka.

"Kami telah mencapai satu tahap iaitu perdana menteri Malaysia @anwaribrahim kini bercakap untuk majoriti rakyat dunia dan bukan pemimpin Eropah atau Barat," kata Mehdi dalam hantaran di X.

Sebelum bertolak ke Jerman, Anwar menggunakan hubungan diplomasi antara negara memujuk negara lain seperti Australia dan Jepun supaya berperanan secara kolektif menghentikan konflik itu "segera dan selama-lamanya".

Pada Sidang Kemuncak Asean-Australia, 6 Mac, beliau mengingatkan pemimpin negara serantau bahawa mereka telah menyokong resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkaitan menuntut gencatan senjata kemanusiaan pada 12 Disember 2023.

"Kita harus mendesak agar tuntutan ini direalisasikan... segera dan selama-lamanya," kata perdana menteri sambil menyatakan perang di Gaza semakin memburuk apabila lebih 30,000 rakyat terbunuh, selain krisis kebuluran.

Pada 17 Disember 2023, hasrat yang sama disampaikan Anwar kepada Jepun

bahawa kerjasama Asean dan Jepun boleh berperanan dalam masyarakat dunia ke arah meleraikan konflik berpanjangan Palestin-Israel.

"Kami (Malaysia) sudah tentu mengancam serangan berterusan Israel ke atas Gaza. Kekejaman ini mengingatkan kita kepada (serangan bom nuklear) Hiroshima-Nagasaki," katanya ketika menyampaikan kenyataan di Sidang Kemuncak Peringatan Asean-Jepun di Tokyo.

Kelantangan perdana menteri jelas sejak konflik setengah tahun lalu. Rentetan itu dalam kunjungan diplomasi ke luar negara, beliau bertemu dengan ramai pemimpin dunia bagi menyatakan sikap Malaysia berkaitan isu Israel-Palestin.

Pertemuan itu termasuklah dengan Putera Mahkota Arab Saudi Mohammed Salman (22 Oktober), Presiden Turki Recep Tayyip Erdogan (23 Oktober) dan Presiden Mesir Abdel Fattah El-Sisi (23 Oktober).

Paling menarik, beliau mengkritik sikap bungkam negara-negara Barat dalam persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di hadapan Presiden Amerika Syarikat Joe Biden pada 17 November 2023.

## Bina 8,000 rumah mampu milik di KL

**SHAH ALAM** - Sebanyak 8,000 unit Residensi Madani akan dibina di Kuala Lumpur mulai Jun tahun ini, kata Menteri Wilayah Persekutuan Dr Zaliha Mustafa.

Beliau memberitahu kediaman pada harga mampu milik iaitu sekitar RM200,000 bakal memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana, lapor Bernama.

"Konsepnya sama (seperti di Putrajaya). Cuma di Putrajaya ada Residensi Wilayah tetapi di Kuala Lumpur hanya ada Residensi Madani," katanya dalam sidang akhbar pada 16 Mac.

Sebanyak 10,000 unit Residensi Madani dan Wilayah bakal dibina di Putrajaya mulai tahun ini dan dijangka siap pada 2027.

## Banteras kegiatan dadah RM990 juta

**SHAH ALAM** - Kegiatan jenayah berkaitan dadah RM990 juta dibanteras di negara ini sejak 2019, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Kerajaan memerangi ancaman itu melalui penguatkuasaan undang-undang ketat berikutan wujud kaitan antara pengedaran dadah, rasuah dan pelbagai jenayah terancang lain.

Agensi penguatkuasaan juga membongkar 98 makmal sulit selain menahan 351 individu, lapor Bernama.

## 50,000 pemandu dapat caruman

**SHAH ALAM** - Dana RM1.165 juta diberi kepada 50,000 pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah yang bekerja sendiri untuk dicarum dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata ia untuk membiayai baki caruman 10 peratus atau RM23.30 bagi melayakkan individu itu menerima perlindungan selama setahun, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan tajaan tersebut terbuka kepada pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah yang memi-

liki kad pemandu serta lesen perkhidmatan kenderaan awam yang masih aktif.

"Baki 10 peratus itu ditaja melalui hasil jualan nombor pendaftaran istimewa 'GOLD' dengan RM1.165 juta untuk dimanfaatkan 50,000 individu," katanya di Putrajaya pada 13 Mac.

Peruntukan RM100 juta disediakan untuk skim berkenaan demi manfaat 500,000 individu bekerja sendiri menerusi insentif caruman yang ditanggung kerajaan sebanyak 90 peratus.

Ia meringankan beban pencarum kerana mereka hanya membayar baki

10 peratus iaitu RM23.30 untuk perlindungan selama 365 hari atau bersamaan enam sen sehari.

Loke berkata RM17 juta dijana melalui jualan 'GOLD' sebelum RM8.5 juta daripadanya diserahkan kepada kementerian bagi mengadakan pelbagai inisiatif termasuk tajaan caruman.

Berdasarkan statistik suku ketiga 2023 Jabatan Perangkaan Malaysia, seramai 2.98 juta orang bekerja sendiri tetapi hanya 14.56 peratus atau 433,881 individu mencarum dalam Perkeso.

## Harga beras putih import turun

**SHAH ALAM** - Harga jualan runcit beras putih import turun antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa 20 Mac, menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Harga runcit sekitar RM38 hingga RM45 untuk pek 10 kilogram (kg) pada masa ini dijangka turun kepada RM35 untuk pek sama berikutan pengumuman tersebut, lapor Bernama.

Menteri pertanian dan keterjaminan makanan menjelaskan keputusan itu bertujuan menangani isu kekurangan beras tersebut ekoran pelarasan harga yang dibuat Beras Nasional (Ber-

nas) pada 1 September.

"Kerajaan yakin inisiatif ini dapat membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup terutamanya semasa Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang," kata Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau menambah kerajaan memutuskan semua stok semasa iaitu 140,000 tan metrik padi dan beras yang dibeli pengilang diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan serta-merta.

Katanya, kerajaan turut bersetuju supaya semua kontrak kerajaan

menggunakan sepenuhnya beras itu susulan tambahan bekalan sebanyak 20,000 tan metrik dalam pasaran pada April.

"Semua langkah ini akan meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran," katanya.

Beliau berkata kementerian juga meneruskan perbincangan bersama pihak berkepentingan untuk memperhalusi pelan jangka panjang bagi struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik.



Mohamad Zahri (tengah) menunjukkan Kupon Digital Rahmah khas bernilai RM20 sempena kempen PLATS Masuk Bazar di Kelana Jaya, Petaling Jaya pada 15 Mac. Hadir sama Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor (dua, kanan) dan Pengarah Kesihatan Negeri Dr Ummy Kalthom Shamsudin (dua, kiri). Foto Facebook Majlis Bandaraya Petaling Jaya

## Liputi 19 bazar Ramadan

# Perluas bayaran tanpa tunai

Oleh **NAS NORZIELA NASBAH**

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperluas konsep bayaran tanpa tunai meliputi 19 lokasi bazar Ramadan pada tahun ini.

Mewajibkan 953 peniaga melampirkan kod QR ketika membuat permohonan, Datuk Bandar Mohamad Zahri Samingon memberitahu penggunaan tanpa tunai dijangka mencapai 85 peratus.

Beliau menambah MBPJ juga bekerja

bersama dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dan Platform Selangor (PLATS) untuk menyediakan kupon bernilai RM20 kepada pengunjung.

"Kita sediakan kupon kepada pengunjung bazar Ramadan Petaling Jaya melibatkan empat lokasi," katanya ketika meninjau Bazar Ramadan 2024 'Digital & Clean' di Kelana Jaya pada 15 Mac.

Mohamad Zahri juga memaklumkan seramai 559 pemegang permit bazar menyertai program bakul rezeki

anjuran pihak berkuasa tempatan itu untuk menyumbang kepada golongan memerlukan.

"Kita beri peluang kepada peniaga bazar Ramadan berkongsi rezeki dan menyantuni golongan susah. Kita akan kenal pasti lokasi sumbangan bakul rezeki ini.

"Selain peniaga di bazar Ramadan, kita harap lebih ramai pihak menyertai program ini sekali gus dapat membantu lebih ramai orang miskin, asnaf dan masyarakat setempat," katanya.

## Kumpul 429kg lebihan juadah

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meneruskan program mengumpul lebihan makanan yang tidak habis dijual di bazar Ramadan untuk diagih kepada golongan memerlukan.

Program MBSA MySave Food @ Bazar Ramadan itu membabitkan bazar di Stadium Shah Alam Seksyen 13,

Seksyen 17 dan Seksyen 19 sepanjang Isnin hingga Jumaat sehingga 3 April.

"Peniaga bazar di lokasi yang terlibat boleh menghantar lebihan makanan yang tidak habis dijual ke khemah MBSA MySave Food yang disediakan," menurut kenyataan MBSA.

Sebanyak 429.8 kilogram makanan

dan minuman dikumpul pada hari pertama pengumpulan program tersebut pada 15 Mac.

"Lebihan makanan yang dikumpul diagih ke Pangsapuri Melewar Seksyen U1, Politeknik Shah Alam, Surau Al Hijrah Pangsapuri Ken Rimba Seksyen 16 serta Flat Proton Seksyen 27," kata MBSA.

## Jangka pungutan sisa meningkat

**SHAH ALAM** - KDEB Waste Management (KDEBWM) menjangka kutipan sisa bazar Ramadan tahun ini meningkat berbanding 73.67 tan metrik sampah yang dipungut setiap hari sepanjang tahun lalu.

Tanpa menyatakan jumlahnya, pengarah urusannya menasihati orang ramai supaya berdisiplin membuang sisa makanan dan mengurus sampah tersebut dengan sistematik, lapor Sinar Harian.

"Sekiranya ini dapat kita lakukan dengan disiplin yang tinggi, insya-Allah akan dapat mengurangkan lambakan sampah domestik," kata Dato' Ramli Mohd Tahir pada 15 Mac.

KDEBWM juga menguruskan 10,817 petak bazar di beberapa kawasan antaranya Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Bandaraya Diraja Klang.

## Denda peniaga ingkar peraturan

**SHAH ALAM** - Majlis Daerah Sabak Bernam mengeluarkan enam kompaun dalam operasi pemantauan dan pemeriksaan di bazar Ramadan Sungai Besar pada 15 Mac.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan denda dikenakan atas kesalahan lesen tamat tempoh, tidak membawa kad suntikan typhoid dan tamat tempoh selain terdapat telur lalat dalam makanan.

"Pemeriksaan mulai jam 4 petang di gerai termasuk kad suntikan, sijil kursus pengendalian makanan, kebersihan diri, gerai dan kempen keselamatan serta pengurusan sampah yang betul.

"Semua peniaga diingatkan supaya mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan elakkan daripada dikenakan kompaun atau tindakan selanjutnya yang lebih tegas," kata kenyataan di Facebook.

## Kutipan sampah pukal percuma

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menawarkan perkhidmatan kutipan sampah pukal secara percuma bagi kawasan perumahan teres sempena perayaan Aidilfitri.

Menurut pihak berkuasa tempatan itu di Facebook pada 16 Mac, perkhidmatan sedemikian dijalankan KDEB Waste Management (KDEBWM) selama 12 hari mulai 25 Mac hingga 5 April.

Sampah pukal antaranya tilam dan perabot lama tetapi sampah ubah suai rumah, pindah rumah, barangan elektrik dan barang kitar semula tidak termasuk dalam perkhidmatan berkenaan.

Permohonan melalui KDEBWM boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-8081 4437 atau WhatsApp 011-3558 4437.

"Pemohon akan dihubungi KDEBWM untuk menetapkan tarikh kutipan dan perlu meletakkan sampah pukal di hadapan rumah," katanya.

## Serah RM35,000 wakaf fisabilillah

**SHAH ALAM** - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah RM35,000 kepada Surau Pangsapuri Aranda, Kota Kemuning.

Pengurus Bahagian Korporatnya Muhammad Hafiz Bahari memberitahu sumbangan tersebut bertujuan membuat kerja menaik taraf meliputi pemasangan karpet, alat siar raya dan dua pendingin hawa.

"Semoga sumbangan ini memberi manfaat kepada jemaah surau dan menjadikan jariah yang mengalir kepada pewakaf yang menyumbang sehingga yaumulakhirah (hari akhirat)," katanya pada 16 Mac.

Kaunter wakaf tunai turut dibuka bagi memudahkan ahli surau dan penduduk Pangsapuri Aranda berwakaf. Orang ramai boleh berbuat demikian melalui pautan [fpx.wakafselangor.gov.my](http://fpx.wakafselangor.gov.my)

## Potongan harga bayar balik PTPTN

**SHAH ALAM** - Peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diseru merebut peluang insentif diskaun bayaran balik pinjaman yang berakhir pada 31 Mac.

Potongan mulai 14 Oktober 2023 meliputi tiga kategori iaitu 10 peratus bagi penyelesaian penuh, separuh baki (10 peratus) dan potongan gaji atau debit terus berjadual (15 peratus).

Lebih 394,000 peminjam menikmati insentif itu meliputi potongan RM57.78 juta yang melibatkan bayaran balik RM442.09 juta antara 14 Oktober tahun lalu hingga 31 Januari, lapor Bernama.

Untuk pertanyaan, hubungi PTPTN menerusi Careline PTPTN 03-2193 3000, Live Chat melalui [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my), e-Aduan [eaduan.ptptn.gov.my/](http://eaduan.ptptn.gov.my/), eksekutif jualan PTPTN di [www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn](http://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn) atau media sosial rasmi PTPTN.

# Sumbangan raya 11,386 anak yatim

**SHAH ALAM** - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) bakal menyalur sumbangan raya kepada 11,386 anak yatim di seluruh negeri melalui peruntukan RM1.71 juta.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata Yide juga menyalur RM500,000 kepada golongan tersebut demi memastikan kebajikan mereka terbelas.

"Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah akan berangkat ke enam lokasi bagi menyerahkan sumbangan tersebut," katanya di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 13 Mac.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat ke majlis terbuka puasa itu.

Abdul Aziz menambah Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga melantik 2,778 peno-

long amil pada tahun ini bagi memudahkan urusan bayaran zakat fitrah.

"Umat Islam dinasihatkan untuk membayar zakat fitrah hanya kepada amil dilantik dan memiliki kad tauliah serta lantikan yang disahkan Mais," katanya.

Tahun ini, kadar zakat fitrah di Selangor kekal RM7, RM14 dan RM21 seorang berdasarkan harga beras mengikut gred dan jenis yang dimakan kebanyakan umat Islam di negeri ini.

## Pastikan kebajikan terbela

# RM600,000 untuk tabung anak yatim

Oleh **NAS NORZIELA NASBAH**

**KUALA LANGAT** - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menghulur sumbangan RM600,000 kepada Tabung Anak Yatim Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) pada tahun ini.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata sumbangan itu membuktikan keprihatinan Mais bagi memastikan pengurusan kebajikan anak yatim seluruh negeri terus terbela.

"Majlis penyerahan sumbangan anak yatim acara tradisi di bulan Ra-

madan. Tahun ini, Yide memperuntuk RM1.7 juta untuk diagih kepada 11,386 anak yatim berdaftar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sembah ucapan kepada Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah dalam majlis sumbangan Aidilfitri di Telok Panglima Garang di sini pada 16 Mac.

Baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan RM87,900 kepada 586 anak yatim di Kuala Langat.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah

Yide Mohd Salim Mohamed Sain pula menjelaskan orang ramai boleh terus menyumbang melalui kupon Infak Yatim sepanjang Ramadan.

"Kupon Infak Yatim Yide yang bernilai RM2 juga dikendalikan amil zakat fitrah di setiap masjid di sembilan daerah selain boleh dibuat melalui laman rasmi Yide.

"Program ini adalah wadah kebersamaan antara Yide dan penyumbang demi kelangsungan kebajikan serta manfaat anak yatim dan mereka yang memerlukan," katanya.



# Van jenazah baharu buat 10 masjid

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor menyerahkan 10 van jenazah bernilai RM1.49 juta kepada masjid terpilih di negeri ini pada 15 Mac.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Sabirin Mohd Sarbini berkata zakat asnaf fisabilillah itu bertujuan memudahkan pengurusan jenazah terutama masjid

yang bilangan kariahnya ramai.

"Bantuan ini disalurkan kepada masjid yang tidak memiliki kemudahan kenderaan untuk mengurus jenazah terutama di luar bandar.

"Sumbangan van jenazah sebahagian sumbangan zakat bawah Program Pembangunan Institusi Agama yang bermula sejak 2013 sehingga kini," katanya dalam kenyataan.

Penerima adalah Masjid Al-Ikhlas Seksyen 13 dan Masjid Al-Amin Seksyen 17 (Petaling) serta Masjid Marzuki-

ah Kampung Lubuk Pusing dan Masjid Baitul Rahman Parit ii Sungai Nibong (Sabak Bernam).

Selain itu, Masjid Jamek Nurul Islamiah Sungai Choh Old dan Masjid As Sajidin Batang Kali (Hulu Selangor) serta Masjid Bukit Kapar 2 Kampung Bukit Kapar dan Masjid Al Qayyum Bandar Armada Putra (Klang).

Turut sama, Masjid Nurul Islam, Blok Y One (Kuala Selangor) dan Masjid At-Taqwa, Bandar Bukit Mahkota (Hulu Langat).

# Selamatkan keluarga di pondok

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyelamatkan sebuah keluarga termasuk bayi berusia lima hari yang hanya berteduh di pondok terbiar lagi daif di Cheras Jaya baru-baru ini.

Mereka yang menginap di situ selama dua bulan dengan ruang tidur sempit dan tempat memak-

dan air dikesan amil kariah Masjid Cheras Jaya.

"Keluarga itu menggunakan air tadahan hujan sebagai sumber utama untuk minum dan mandi. Lebih menyayat hati, keluarga ini baru sahaja menimang cahaya mata perempuan berusia lima hari.

"Dengan keadaan tempat yang sangat panas serta pengudaraan

kurang baik menyebabkan bayi kerap menangis kerana tidak selesa," menurut kenyataan di Facebook pada 13 Mac.

Menurut LZS, ketua keluarga berkenaan yang berasal dari Sabah diberhenti kerja empat bulan lalu manakala isterinya berstatus orang kelainan upaya (OKU) hanya suri rumah.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000017589	SUPPLY AND DELIVERY OF PRESSURE REDUCING VALVES (PRV) AND SINGLE POINT INSERTION (SPI) ELECTROMAGNETIC FLOWMETER FOR AIR SELANGOR (2025-2027)
2.	PN0000017681	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF NEW RTUs FOR REPLACEMENT AND UPGRADING WORKS TO AUTO SCADA (PACKAGE 15)
3.	PN0000017680	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF NEW RTUs FOR REPLACEMENT AND UPGRADING WORKS TO AUTO SCADA (PACKAGE 16)
4.	PN0000017532	PROPOSED 3D TERRESTRIAL LASER SCANNING (TLS) AND MODELLING SERVICES FOR AIR SELANGOR'S RESERVOIRS AND WATER STRUCTURES (2024 - 2027)
5.	PN0000017656	PROVISION OF OUTSOURCED CUSTOMER CONTACT CENTRE FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD. (2025 - 2026)

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>



**SEMANGAT...** Pemain skuash Sukan Malaysia (SUKMA) Tay Jun Qian menjalani ujian kecergasan di Kompleks Sukan Astaka, Petaling Jaya pada 17 Mac. Ujian ini juga bagi mengenal pasti kecederaan atlet dan rawatan sesuai dalam program persediaan SUKMA. Foto Facebook Majlis Sukan Negeri Selangor

Atasi tiga calon pengendali import

# Nidzam pengendali baharu Red Giants

**SHAH ALAM** - Selangor FC (SFC) secara rasmi melantik Nidzam Jamil sebagai pengendali pasukan bagi musim 2024/2025.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Johan Kamal Hamidon menyifatkan beliau calon tepat untuk mengemudi Red Giants berbekalkan pengalaman luas dalam kancah bola sepak.

"Kami telah membuat penilaian secara terperinci dan kolektif, serta melihat keupayaan yang ditunjukkan oleh Nidzam semasa beliau berkhidmat sebagai penolong ketua jurulatih untuk musim sebelum ini.

"Nidzam mempunyai pengalaman

luas dalam kancah bola sepak Malaysia, memahami budaya dan hala tuju kelab serta amat mengenali pemain SFC.

"Bagi kami, beliau adalah insan yang tepat untuk mengisi kekosongan ini dan mengetuai cabaran SFC bagi musim 2024/2025," katanya dalam kenyataan pada 16 Mac.

Dilahirkan dan membesar di Kajang, Nidzam merupakan bekas pemain Selangor pada 2000 hingga 2004.

Sepanjang tempoh itu, beliau membantu pasukan menjulang Piala FA (2001), Piala Sumbangsih dan Piala Malaysia (2002).

Selepas bersara sebagai pemain

pada 2008, Nidzam menunjukkan persembahan baik sebagai jurulatih SPA FC dan Felda United FC sebelum menyertai barisan kejurulatihan Selangor sebagai penolong jurulatih Michael Feichtenbeiner pada 2022.

Selepas menggalas peranan sebagai jurulatih sementara pada pertengahan musim selepas pengendali Jerman itu dipecat, beliau kekal sebagai pembantu jurulatih kepada Tan Cheng Hoe yang tiba pada September 2022.

Nidzam mengatasi cabaran tiga jurulatih import yang turut berminat mengisi kekosongan ditinggalkan Cheng Hoe.

## Kejuaraan ketiga jelajah dunia

**SHAH ALAM** - Beregu lelaki muda negara Muhammad Haikal Nazri-Choong Hon Jian merangkul gelaran ketiga dalam saingan Jelajah Dunia BWF selepas menjuarai Masters Orleans di Perancis pada 17 Mac.

Pilihan keempat kejohanan itu dipaksa bekerja keras dalam pertarungan tiga set sebelum mengatasi pasangan Indonesia Sabar Karyaman Gutama-Moh Reza Pahlevi 21-15, 18-21, 21-14 di Palais des sports.

Ini adalah gelaran pertama buat mereka dalam Jelajah Dunia BWF mu-

sim ini dan ketiga keseluruhan sejak digandingkan pada Ogos tahun lalu, lapor Berita Harian.

Haikal-Hon Jian sebelum ini turut menjuarai Kejohanan Badminton Antarabangsa Syed Modi dan Masters Guwahati di India pada Disember tahun lalu.

Pernah melangkah ke akhir Orleans Masters bersama Wan Arif Wan Junaidi pada 2022, bagaimanapun Haikal terpaksa menarik diri dan berpuas hati dengan gelaran naib juara selepas beliau diuji positif Covid-19.

Kejayaan Haikal-Hon Jian mengubati kekecewaan kem badminton negara selepas beregu lelaki utama negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik tewas dalam perlawanan akhir Seluruh England 2024 pada 18 Mac.

Pada pertembungan di Utilita Arena Birmingham itu, regu negara terpaksa akur dengan kehebatan pasangan Indonesia Fajar Alfian-Muhammad Rian Ardianto yang berjaya mempertahankan kejuaraan buat tahun kedua berturut-turut dengan kemenangan 21-16, 21-16.

## Bawa pembantu jurulatih baharu

**SHAH ALAM** - Selangor FC dijangka membawa masuk pembantu jurulatih baharu bagi memantapkan lagi pasukan menghadapi saingan Liga Malaysia (Liga-M) dan Liga Juara-Juara Asia 2 (ACL2) musim ini.

Pengurus Pasukan Mahfizul Rusyidin Abdul Rashid berkata pihaknya sedang meneliti beberapa calon bagi mengisi kekosongan jawatan itu dan tidak menolak kemungkinan gabungan ketua jurulatih tempatan dan pembantu import seperti musim lalu.

"Perancangan untuk tambah barisan kejurulatihan itu memang ada lebih-lebih lagi Nidzam Jamil sudah dilantik ketua jurulatih baharu. Dalam hal ini, kita terbuka untuk mana-mana jurulatih yang berminat.

"Apa yang boleh saya cakap setakat ini, calon yang kita teliti merupakan jurulatih tempatan dan import. Kita akan umumkan dalam masa terdekat," katanya seperti dilaporkan Bernama pada 19 Mac.

## Selangor FC lancar tiga jersi Liga M

**GOMBAK** - Selangor FC akan melancarkan tiga edisi jersi saingan Liga Malaysia musim ini secara berperingkat yang dimulai dengan jersi tempat lawan (away) pada minggu depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC Dr Johan Kamal Hamidon berkata jersi 'home' skuad Red Giants yang sinonim dengan warna merah pula diperkenalkan kepada peminat pada penghujung bulan depan.

"Jersi 'home' pada 28 April. Jersi ketiga pula akan dilancarkan pada Mei nanti," katanya selepas majlis Ziarah Ramadan di sini pada 19 Mac.

Dr Johan berkata skuad Selangor FC yang dibarisi pemain lebih mantap dan hebat sedia mendepani cabaran musim ini malah yakin mampu menduduki tempat teratas.

## Hanya 29 atlet bakal ke Olimpik

**SHAH ALAM** - Malaysia dijangka menghantar 29 atlet ke Sukan Olimpik Paris 2024 selepas mengambil kira beberapa sukan yang berpotensi layak ke temasya berkenaan.

Ketua Kontinjen Datuk Hamidin Mohd Amin berkata walaupun jumlahnya sedikit tetapi beliau yakin dengan kemampuan atlet negara menjelmakan kejayaan berdasarkan prestasi semasa.

"Saya tetap dengan keyakinan sehingga kejohanan Paris 2024 habis. Sekarang masih belum rezeki kita dan harap kita rezeki di Paris nanti kita akan dapat (emas)," katanya seperti dilaporkan Harian Metro pada 18 Mac.

Ketika ini hanya lima atlet layak iaitu Bertrand Rhodict Lises (akuatik), Nur Shazrin Mohd Latif (pelayaran), Johnathan Wong Guanjie (menembak), Ariana Nur Dania Mohd Zairi (memanah) dan Nur Aisyah Mohd Zubir (berbasikal).



**IR IZHAM HASHIM**  
Pandan Indah

berbuka puasa bersama  
jemaah di Surau Al-Falah  
Pandan Jaya, Ampang Jaya

**BORHAN AMAN SHAH**  
Tanjung Sepat

menyampaikan sumbangan  
kepada penduduk di Kampung  
Bukit Bakong, Sepang



**WONG SIEW KI**  
Seri Kembangan

meninjau lokasi naik taraf  
di Bazar Rakyat Seri  
Kembangan, Subang Jaya

**DATUK JOHAN ABD AZIZ**  
Dusun Tua

menziarahi penduduk  
di Taman Desa  
Pelangi, Kajang



**MUHAMMAD IZUAN KASIM**  
Kota Damansara

memberi sumbangan raya di  
Pusat Jagaan Telaga Kasih Nur  
Muhammad, Kota Damansara

**MARIAM ABDUL RASHID**  
Meru

mengedar kurma kepada  
pengunjung pasar malam  
di Jalan Paip, Klang



**ONG CHUN WEI**  
Balakong

serah sumbangan baik pulih  
bumbung di Pangsapuri Sri  
Muhibbah, Kajang

**PUA PEI LING**  
Bukit Lanjan

memberi bantuan beg  
di SJKC Desa Jaya  
Kepong, Kuala Lumpur



## RM90,500 untuk 37 rumah ibadat

**SHAH ALAM** - Sebanyak 37 pusat ibadah sekitar Taman Templer menerima sumbangan RM90,500 bagi mengadakan kegiatan pengimarahkan sepanjang Ramadan.

Wakil rakyatnya Anfaal Saari menjelaskan peruntukan daripada Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman



Templer dan Parlimen Selayang meliputi empat masjid dan 33 surau.

"Semoga sumbangan ini membantu pengurusan dalam mengimarahkan surau dan masjid dalam Ramadan yang mulia," katanya di Facebook pada 17 Mac. EXCO pembangunan wanita dan ke-

bajikan masyarakat itu turut bersyukur berikutan berpeluang meneruskan sumbangan sebagai wakil rakyat dan ahli majlis sebelum ini.

"Sebelum ini, saya memberi sumbangan sebagai ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan tahun ini menjalankan tanggungjawab menyampaikan sumbangan sebagai Ahli Dewan Negeri," katanya.

### Mudahkan urusan sekolah anak

# Sumbangan kereta bantu ibu tunggal

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Simpati atas kesusahan ibu tunggal, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kinrara menyerahkan kereta terpakai bagi memudahkan wanita berkenaan menguruskan kehidupan seharian.

Menurut Ng Sze Han, kereta Proton Saga sumbangan Carsome dapat membantu Nora yang juga asnaf membesarkan tiga anaknya untuk urusan penghantaran ke sekolah terutama waktu hujan.

Beliau menjelaskan Nora yang bekerja di kedai makan hanya menunggang

motokikal untuk pergerakan harian termasuk membawa anak mendapatkan rawatan di klinik.

"Kami berjumpa Nora ketika program Jelajah Kasih Ramadan Kinrara tahun lalu untuk memberi sumbangan dan menyantuni golongan asnaf. Ketika itu, Nora membesarkan anak bersendirian.

"Mendengar kisahnya, kami ambil keputusan bantu Nora mendapatkan lesen supaya boleh melakukan kerja sambil sebagai penghantar barang atau Grab.



"Kami cabar dia, kalau dapat lesen saya usahakan kereta. Bila Nora miliki lesen, saya usahakan dan Carsome beri sumbangan kereta itu," katanya di Facebook pada 13 Mac.

Sze Han yang juga EXCO pelaburan menambah isterinya turut melatih dan menemani Nora memandu kereta sekitar Dewan Undangan Negeri itu untuk lebih mahir dan berani.

Beliau turut mendoakan anak-anak wanita itu akan belajar dengan tekun dan berjaya supaya boleh membantu keluarga apabila dewasa kelak.

## Dana RM200,000 semarak Ramadan

**SHAH ALAM** - Peruntukan RM200,000 disediakan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Anggerik bagi mengadakan pelbagai program sepanjang Ramadan, kata wakil rakyatnya Najwan Halimi.

Beliau menjelaskan dana RM150,000 pula akan disumbang kepada masjid dan surau dalam program Ihya Ramadan manakala bakinya untuk



edaran bubur lambuk dan majlis berbuka puasa.

"Kita akan edar bubur lambuk dan adakan majlis berbuka puasa bersama asnaf, pemimpin masyarakat dan persatuan penduduk," katanya di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 10 Mac.

EXCO negeri itu juga memberitahu pihaknya akan bekerjasama dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)

atau MBI untuk menjayakan program berbuka puasa bersama golongan belia.

"Kita turut bekerjasama dengan MBI untuk program berbuka puasa bersama generasi muda seperti Penggerak Belia Selangor (PeBS) dan mahasiswa Selangor.

"Kita bercadang untuk mengadakan program kerohanian bersama mereka seperti qiamullail perdana pada 10 malam terakhir Ramadan nanti," kata beliau lagi.

## 60 Orang Asli terima bakul makanan

**HULU LANGAT** - Lebih 60 keluarga masyarakat Orang Asli dari Kampung Orang Asli Broga, Semenyih di sini menerima sumbangan bakul makanan sempena sambutan Ramadan dan perayaan Aidilfitri.

Ahli Majlis Perbandaran Kajang Mohd Zulkifli Ridzwan menjelaskan sumbangan tersebut berbentuk barangan asas antaranya beras, minyak, kicap, tepung, gula, sardin, kopi dan kuih raya.

"Pengisian lain termasuk majlis

berbuka puasa, gotong royong menyediakan bubur lambuk dan pertandingan mewarna bersama kanak-kanak," kata beliau pada 16 Mac.

Katanya, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) CommUnity: Harvest of Hope itu anjuran bersama pelajar Diploma Komunikasi Korporat, Fakulti Perniagaan, Perakaunan dan Sains



Sosial Universiti Poly-Tech Malaysia serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa).

Koordinator program Universiti Poly-Tech Malaysia Aida Suhana Abdul Hamid pula menambah program itu bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kegiatan kemasyarakatan dan CSR.

"Seramai 29 pelajar terlibat dalam program yang turut memberi pendedahan mengenai masyarakat dan budaya Orang Asli di negara ini," katanya.

## Agih lembu, kambing menjelang Aidilfitri

**PETALING JAYA** - Dewan Undangan Negeri Bandar Utama mengagih lembu dan kambing kepada masjid serta surau menjelang perayaan Aidilfitri.

Wakil rakyatnya Jamaliah Jamaluddin memberitahu sumbangan kepada rumah ibadat itu dilakukan pada setiap tahun mengikut sistem penggiliran.

"Kita peruntukan lembu dan kambing kepada masjid dan surau yang masyarakatnya berpendapatan rendah (B40). Bagi Ramadan pula, kita teruskan edaran bubur lambuk," katanya pada 13 Mac.

Beliau juga memaklumkan pihaknya turut menyegerakan pemberian dana bagi membaik pulih masjid dan surau jika ada permohonan sepanjang Ramadan.

## 53 institusi terima sumbangan Ramadan

**SHAH ALAM** - Peruntukan RM159,000 disalurkan kepada 53 institusi agama Islam sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Air Tawar sempena sambutan Ramadan.

Wakil rakyat Datuk Rizam Ismail memberitahu agihan tersebut melibatkan 15 masjid dan 38 surau iaitu setiap sebuah menerima RM3,000 bertujuan menyemarakkan kegiatan pengimarahkan.

"Sumbangan ini daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI. Serahan telah dibuat dan turut disertai Ketua Pegawai Eksekutif MBI Saipolyazan Mat Yusop.

"Diharapkan sumbangan ini membantu kegiatan mengimarahkan masjid dan surau supaya berjalan lancar," katanya pada 17 Mac.

Sempena Ramadan tahun ini, MBI memperuntuk RM4 juta bagi menjayakan program Ihya Ramadan merangkumi sumbangan kepada masjid, surau, golongan asnaf dan penganjuran berbuka puasa.

## 200 keluarga terima bakul makanan

**SHAH ALAM** - Seramai 200 keluarga sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman Medan menerima bantuan bakul makanan sumbangan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Penyelaras DUN Halimey Abu Bakar menjelaskan sumbangan sempena sambutan Ramadan itu diserahkan berperingkat kepada keluarga kurang berkemampuan di kawasan berkenaan.

"Pemberian sumbangan ini bertujuan meringankan beban golongan memerlukan pada Ramadan tahun ini.

"Terima kasih kepada MBI kerana meluluskan permohonan dan kita berharap bantuan ini memberi sinar kepada mereka yang menerimanya," kata beliau pada 15 Mac.

Pada 9 Mac, MBI memperuntuk RM1 juta bagi program bakul makanan tahun ini bagi meringankan beban golongan berpendapatan rendah seperti menjelang Ramadan.



## MB temui penjawat awam Jumaat

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dijadual menyampaikan amanat penting dalam Majlis Mahababah Ramadan Madani bersama penjawat awam pada 22 Mac.

Beliau juga akan melancarkan Kempen Mudahnya Berwakaf selain menyertai tazkirah Ramadan di Auditorium Dewan Jubli Perak, bangunan pentadbiran negeri bermula jam 8 pagi.

Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim dan Pegawai Kewangan Negeri Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin serta barisan EXCO dijadual hadir dalam program tersebut.

Orang ramai boleh mengikuti perjalanan program berkenaan yang dipancar secara langsung menerusi Facebook Media Selangor dan YouTube SelangorTV.

## Tonton tadabbur al-Quran setiap hari

**SHAH ALAM** - Program tadabbur al-Quran sehari satu ayat anjuran Pejabat Dato' Menteri Besar sekali lagi ditayang sepanjang Ramadan.

Program bertema tadabbur dan pengertian al-Quran dipancar melalui media sosial Amirudin Shari, Media Selangor dan TV Al-Hijrah setiap hari jam 5 petang.

"Kali ini, saya dibimbing Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Ustaz Dr Ahmad Fakhurrrazi Mohammed Zabidi dari Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Kita menjemput Qawi, seorang qari berbakat untuk bersama-sama membacakan tilawah ayat-ayat pilihan," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

## Kurang kompaun hingga 70 peratus

**SHAH ALAM** - Orang ramai berpeluang menikmati pengurangan kompaun parkir RM20 selain potongan 70 peratus bagi notis terpilih bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sepanjang Ramadan.

Penganjuran kempen antara 12 Mac hingga 9 April itu bertujuan menggalakkan orang ramai untuk melunaskan kompaun masing-masing.

"Ayuh rebut peluang ini untuk menyelesaikan kompaun tertunggak anda," menurut pihak berkuasa tempatan itu di Facebook.

Sebarang pertanyaan hubungi Jabatan Kewangan MBSA menerusi talian 03-5513 3919.



**SEMANGAT...** Pemain Harimau Malaya menjalani latihan pertama menjelang perlawanan ketiga kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 di Muscat, Oman pada 18 Mac. Kedua-dua pasukan akan bertemu dalam saingan kumpulan D di Kompleks Sukan Sultan Qaboos pada 21 Mac. Foto Persatuan Bolasepak Malaysia

Puas hati mutu perkhidmatan, kemudahan

# Petaling Jaya bandar paling bahagia

Oleh **AFIX REDZUAN**

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menerima Anugerah Bandar Paling Bahagia 2024 sempena sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia peringkat kebangsaan.

Kejayaan MBPJ itu diukur melalui indeks yang menilai tahap kesejahteraan dan kebahagiaan penduduk secara menyeluruh termasuk kesihatan mental dan emosional.

la hasil soal selidik ke atas penduduk sesebuah kawasan pihak berkuasa tem-

patan terdiri pelbagai peringkat usia, kaum dan latar belakang termasuk sektor kerajaan atau swasta.

Kajian berkenaan merangkumi antaranya tahap elemen tekanan, kepuasan hati, perhubungan, kemudahan, perkhidmatan dan alam sekitar.

Penyelidikan itu dibuat Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan (POMK) PLAN-Malaysia sempena Hari Kebahagiaan Sedunia yang diperkenalkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2012.

Anugerah tersebut disampaikan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming kepada Da-

tuk Bandar Mohamad Zahri Samingon dalam majlis sambutan di Putrajaya pada 15 Mac.

"Sambutan ini mengiktiraf hubungan kait antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat," kata kenyataan.

Turut menerima anugerah sama, Cameron Highlands, Rompin dan Jerantut (Pahang), Jeli (Kelantan), Lenggong (Perak), Port Dickson (Negeri Sembilan), Kulai (Johor) selain Melaka dan Kuala Terengganu.

## Sasar dua juta kunjungi Festira 2024

**SHAH ALAM** - Festival Ramadan Selangor 2024 (Sedekad Festira) anjuran PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) meliputi lima lokasi tahun ini melibatkan kira-kira 1,200 usahawan termasuk artis.

EXCO keusahawanan berkata festival di Kompleks PKNS Shah Alam, Kompleks PKNS Bangi, pusat beli-belah SACC serta Plaza Alam Sentral dan SACC Walk berlangsung sehingga 9 April.

Menurut Najwan Halimi, Festira yang memasuki sedekad penganjuran men-

yasar kehadiran kira-kira dua juta pengunjung sepanjang 48 hari perjalanan program mulai 22 Februari.

"Artis tanah air turut berniaga kali ini antaranya Datuk Afdlin Shauki, Ako Mustapha, Tyzo Xynder dan Hijjaz yang menjual pakaian serta keperluan raya lain.

"Festira adalah inisiatif negeri bagi membantu usahawan menjana pendapatan sepanjang Ramadan dengan jangkaan nilai transaksi antara

RM500,000 hingga RM1 juta," katanya pada 12 Mac.

Beliau menjelaskan persembahan beberapa artis tempatan antaranya Haiza, Elyana, Ezlynn, Najwa Latiff, Dafi, Amylea serta Syura juga diadakan bagi menarik lebih ramai pengunjung.

"Penganjur turut adakan program agihan bubur lambuk Kampung Baru secara percuma, solat tarawih berjemaah selain menyediakan kaunter bayaran zakat," katanya.